



**BAHASA MELAYU  
SEKOLAH MENENGAH  
DAERAH KINTA UTARA  
2024**

**MANUAL  
KARANGAN CEMERLANG  
SPM**





SEKAPAZIR SURJUS SEZILAS PJNANG

PEGAWAI PENDIDIKAN  
DAERAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara sentiasa prihatin dan komited terhadap penyediaan bahan sokongan dalam memastikan semua murid menerima pendidikan yang berkualiti dan bermakna. Pelbagai inisiatif dan program telah direncanakan dalam merealisasikan aspirasi tersebut untuk kecemerlangan murid-murid daerah Kinta Utara.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa sejajar dengan format KSSM mulai tahun 2021.

Manual Karangan Cemerlang SPM Bahasa Melayu Sekolah Menengah ini dihasilkan oleh Sektor Pembelajaran sebagai bahan sokongan guru dalam usaha meningkatkan kemahiran menulis murid dengan berkesan. Manual ini mencakup dua bahagian utama iaitu Karangan Bahagian A dan Karangan Bahagian B yang menyumbang 100 markah dalam kertas SPM.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Manual Karangan Cemerlang ini.



HAJAH AZARINA BINTI ALIAS



## Sekalung apresiasi



*Pn. Hjh. Azarina binti Alias (Penasihat)*  
*Tn. Hj. Jamaludin bin Yahaya (Penyelaras)*  
*Pn. Kholijah binti Mohamad Noor (Setiausaha & Ketua Editor)*

### *Barisan editor:*

*Pn. Roazzila binti Yeop Ramli*  
*Pn. Zonarita binti Abu Saman @ Othman*  
*Pn. Rosliza binti Mohd. Rani*  
*Pn. Noorin binti Mohamed Hairiri*  
*Pn. Mariana binti Shariff*  
*Pn. Natrah binti Mohamad Zain*  
*En. Faizul bin Yaacob*  
*En. Mohamaed Nazrul bin Suhaimi*  
*Pn. Nurul Husna binti Che Omar*  
*Pn. Nur Syahira binti Mohd Fatih*

*serta guru-guru yang terlibat dalam penerbitan*  
*Manual Karangan Cemerlang SPM 2024*

# KANDUNGAN

01	<b>Sekapur sirih seulas pinang</b>	
02	<b>Sekalung apresiasi</b>	
03	<b>Panduan penulisan</b>	1
04	<b>Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu (MKBM)</b>	2-3
05	<b>Karangan Bahagian A</b>	4-9
06	<b>Karangan Bahagian B</b>	10-55



## PANDUAN PENULISAN

<b>KARANGAN BAHAGIAN A</b>		<b>KARANGAN BAHAGIAN B</b>	
1	Jawab soalan Bahagian A	1	Jawab <b>satu</b> soalan Bahagian B
	Cadangan masa : 30 minit		Cadangan masa : 1 jam 30 minit
2	30 markah	2	70 markah
3	Panjang huraian antara <b>150 hingga 200</b> patah perkataan.	3	Panjang huraian antara <b>350 hingga 500</b> patah perkataan.
4	<p><b>4 perenggan</b></p> <p>Anggaran patah perkataan mengikut perenggan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perenggan pendahuluan : 40 pp</li> <li>- Perenggan Isi 1 : 55-60 pp</li> <li>- Perenggan Isi 2 : 55-60 pp</li> <li>- Perenggan penutup : 40 pp</li> </ul> <p>Anggaran : (190 pp)</p>	4	<p><b>5 perenggan</b></p> <p>Anggaran patah perkataan mengikut perenggan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perenggan pendahuluan : 70-80 pp</li> <li>- Perenggan Isi 1 : 100-110 pp</li> <li>- Perenggan Isi 2 : 100-110 pp</li> <li>- Perenggan Isi 3 : 100-110 pp</li> <li>- Perenggan penutup : 70-80 pp</li> </ul> <p>Anggaran (490 pp)</p>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>KIRA JUMLAH PATAH PERKATAAN CONTOH : (190 PP)</b></li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>KIRA JUMLAH PATAH PERKATAAN CONTOH : (490 PP)</b></li> </ul>

## MANUAL KECEMERLANGAN BAHASA MELAYU (MKBM)

MKBM   <span style="float: right;">Membina Kerangka Karangan </span>		
<b>Pendahuluan (TIK)</b>	<b>Tema/Tajuk</b>	
	<b>Isu</b>	
	<b>Kehendak Soalan</b>	
*Isi 1		
Isi 2		
Isi 3		
Isi 4		
<b>Penutup (KeCaHa)</b>	<b>Kesimpulan</b>	
	<b>Cadangan</b>	
	<b>Harapan</b>	

\* Bilangan isi karangan *mengikut aras murid.*

TEKNIK TIK & THINK <span style="float: right;">Membina Pendahuluan </span>	
<b>Analisis soalan, dan kenal pasti TIK</b> <span style="float: right; border: 1px solid black; border-radius: 50%; padding: 2px 5px; color: white;">1</span>	
<b>TEMA/TAJUK</b>	
<b>ISU</b>	
<b>KEHENDAK</b>	
<b>Bina ayat pendahuluan karangan (THINK)</b> <span style="float: right; border: 1px solid black; border-radius: 50%; padding: 2px 5px; color: white;">2</span>	
<b>T</b> Tema/Tajuk	
<b>H</b> Huraian Tema	
<b>I</b> Isu	
<b>N</b> Huraian (Perspektif/ Kesan Negatif)	
<b>K</b> Kehendak soalan	

TEKNIK ToHuCoKeP |

Membina Perenggan Isi



Ayat 1 (To)	
Ayat 2 (Hu)	
Ayat 3 (Co)	
Ayat 4 (Ke)	
Ayat 5 (P)	

TEKNIK KeCaHa |

Membina Perenggan Penutup



Ke	
Ca	
Ha	

## KARANGAN BAHAGIAN A

### Soalan 1

#### Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

*Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan masalah buli.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **masalah buli di sekolah**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendedahkan jumlah kes buli di sekolah terus melonjak. Sebanyak 4,994 kes direkodkan dari Januari hingga Oktober tahun 2023. Angka itu menunjukkan peningkatan kes salah laku buli di sekolah berbanding dua tahun sebelumnya, iaitu pada 2021 sebanyak 3,561 kes dan 2022 sebanyak 3,887 kes.

Sumber : Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM)

**PROGRAM  
KESEDARAN  
HENTIKAN BULI  
PERINGKAT  
SEKOLAH**

*Saya murid yang sejahtera*

**BULLI**

**JANGAN TAKUT MELAPORKAN**

Kes buli di sekolah semakin meningkat

Ye, didikan agama dan moral pupuk sifat prihatin.

PANDUAN :

Tema	PENDIDIKAN
Isu	Buli
Isi	1. Pihak sekolah mengadakan program kesedaran 2. Didikan agama dan moral daripada ibu bapa
Kehendak soalan	Cara-cara untuk mengatasi masalah buli di sekolah

CADANGAN JAWAPAN :

Kini kes buli di sekolah direkodkan terus melonjak. Perkongsian video di laman media sosial membuktikan kebenaran isu yang berlaku. Fenomena ini amat meresahkan banyak pihak. Realitinya, hal yang berlaku tidak boleh dipandang enteng oleh kita. Oleh itu, marilah bersama-sama kita kupas tentang cara-cara untuk mengatasi masalah buli di sekolah.

Langkah efektif ialah pihak sekolah mengadakan program kesedaran supaya menghentikan perbuatan buli. Hal ini pastinya dapat mengelakkan gejala buli daripada terus berlaku. Tamsilnya, pihak sekolah menjemput pihak polis untuk memberi ceramah tentang gejala buli. Impaknya, nilai murni akan berjaya dipupuk dalam diri murid. Tegastlah bahawa pihak sekolah boleh mengadakan program kesedaran supaya menghentikan perbuatan buli.

Perspektif terakhir adalah didikan agama dan moral daripada ibu bapa. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membentuk akhlak anak-anak bak peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungunya. Dalam hal ini ibu bapa boleh memberikan kata-kata yang berbentuk nasihat kepada anak-anak. Cara ini dapat menjentik hati anak-anak untuk mengelakkan diri terlibat dengan gejala buli. Justeru, didikan agama dan moral daripada ibu bapa pasti dapat mengatasi masalah buli di sekolah.

Konklusinya, pelbagai cara boleh dipraktikkan untuk mengatasi masalah buli di sekolah. Oleh itu, kita perlu bersinergi sebagai aur dengan tebing untuk merungkai permasalahan yang berlaku. Semoga inisiatif ini dapat mencapai sasaran dan buli dapat dikuburkan.

(196 patah perkataan)

Soalan 2

**BAHAGIAN A**

**[30 markah]**

*Soalan ini mesti dijawab.*

**Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan permainan tradisional.**

**Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha mempopularkan permainan tradisional.**

**Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.**



Bertempat di Sekolah Kebangsaan (SK) Seksyen 9 Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini lapan permainan tradisional diketengahkan iaitu tuju tin, tarik tali, galah panjang, congkak, batu seremban, tarik upih, sepak bulu ayam dan boling kelapa. Pengarah program, Mohd Norhafizudin Hamzah berkata, permainan tradisional berkenaan akan lenyap ditelan zaman jika tiada usaha diambil untuk mengetengahkannya dalam kalangan khalayak ramai khususnya generasi muda masa ini.

"Kelab ini terdiri daripada kanak-kanak berusia enam hingga 12 tahun membabitkan tiga cawangan di Lembah Pantai, Bandar Tun Razak dan Damansara.

Sumber : <https://www.hmetro.com.my/>



## PANDUAN :

Tema	Sejarah dan warisan
Isu	Permainan tradisional
Isi	1. Pihak sekolah menubuhkan/ menyertai kelab permainan tradisional 2. Kerajaan mengadakan/ menggiatkan kempen
Kehendak soalan	Usaha-usaha mempopularkan permainan tradisional

## CADANGAN JAWAPAN :

Permainan tradisional merupakan warisan budaya yang kaya dengan nilai tersendiri. Permainan ini seharusnya menjadi buah tangan kepada generasi akan datang. Namun, kini namanya kian terpinggir terutama dalam kalangan generasi muda. Hal ini amat membimbangkan banyak pihak. Oleh itu, usaha-usaha untuk mempopularkan kembali permainan tradisional ini perlu dilaksanakan bagi memastikan warisan ini terus terpelihara.

Langkah berkesan ialah pihak sekolah boleh menubuhkan kelab permainan tradisional. Melalui platform ini guru boleh memperkenalkan permainan tradisional semasa aktiviti kelab berlangsung. Sebagai contoh, guru-guru boleh menerangkan tentang permainan batu seremban, congkak, gasing dan lain-lain kepada murid-murid. Hal ini dapat memupuk rasa cinta murid-murid terhadap warisan budaya. Tegastlah bahawa pihak sekolah boleh menubuhkan kelab permainan tradisional untuk mempopularkan kembali warisan ini.

Perspektif terakhir ialah pihak kerajaan boleh mengadakan kempen tentang permainan tradisional. Kempen tersebut amat penting dalam menghidupkan kembali permainan ini. Senario ini dapat memberi peluang kepada generasi muda mengenali dan beraksi bermain permainan ini. Secara tidak langsung dapat membantu mempopularkan permainan tradisional. Justeru, kempen yang diadakan oleh pihak kerajaan pastinya dapat mempopularkan kembali permainan tradisional.

Konklusinya, pelbagai usaha boleh dipraktikkan untuk mempopularkan kembali permainan tradisional. Oleh itu, kita perlu bersinergi bagai aur dengan tebing untuk mempartikkan usaha-usaha tersebut. Semoga sasaran akan menjadi realiti dan permainan tradisional dapat dipopularkan kembali.

(197 patah perkataan)


Soalan 3

**BAHAGIAN A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan gaya hidup sihat. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan gaya hidup sihat di negara kita. Panjang huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



PANDUAN :

Tema	Sukan dan rekreasi
Isu	Kepentingan gaya hidup sihat
Isi	1. Amalan pemakanan seimbang 2. Bersukan, beriadah dan pemeriksaan kesihatan
Kehendak soalan	Kepentingan gaya hidup sihat

CADANGAN JAWAPAN:

Gaya hidup sihat membawa impak yang positif kepada diri seseorang. Hal ini kerana kesihatan adalah aset utama dalam kesejahteraan negara. Jika kita tidak mengamalkan gaya hidup yang sihat pelbagai penyakit mudah bertamu. Oleh itu, gaya hidup sihat perlu dinormalisasikan dalam kehidupan kita. Persoalannya, apakah kepentingan-kepentingan mengamalkan amalan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian kita?

Amalan pemakanan seimbang adalah kunci kepada gaya hidup sihat. Corak pengambilan makanan harian seseorang amat mempengaruhi kesihatan mereka. Memastikan bahawa badan menerima semua nutrien yang diperlukan adalah penting. Hal ini termasuklah pengambilan lebih banyak makanan berserat seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Amalan pemakanan seimbang dapat mencegah penyakit berbahaya dan merupakan langkah yang bijak.

Akhir sekali adalah bersukan, beriadah serta melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala. Aktiviti sukan dan riadah membantu meningkatkan sistem peredaran darah manusia dan mengeluarkan toksin daripada badan melalui peluh. Pemeriksaan kesihatan yang dijalankan secara berkala pula penting kepada seseorang.. Hal ini juga dapat membantu mengesan simptom awal penyakit. Jelaslah bahawa bersukan, beriadah serta melakukan pemeriksaan secara berkala penting untuk penjagaan kesihatan diri.

Konklusinya, amalan gaya hidup sihat perlu menjadi budaya dalam kehidupan. Semua pihak perlu bersinergi dalam mencapai kehidupan yang sejahtera. Mencegah lebih baik daripada mengubati agar dapat mencapai matlamat kehidupan yang lebih sihat .

(198 patah perkataan)

## KARANGAN BAHAGIAN B

### Nombor 1

#### TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Hal ini jelas membuktikan bahawa betapa pentingnya STEM demi meningkatkan produktiviti dan kemampuan manusia, menambah baik tahap kesihatan dan keselamatan manusia dan membantu pemuliharaan serta pemeliharaan alam semula jadi.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Irujukan.my

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kepentingan-kepentingan STEM dalam kehidupan manusia.

Panduan:

Tema	Sains, Teknologi dan Inovasi
Isu	Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)
Isi	1. Meningkatkan produktiviti dan kemampuan manusia 2. Menambah baik tahap kesihatan dan keselamatan manusia 3. Membantu pemuliharaan serta pemeliharaan alam semula jadi
Kehendak soalan	Kepentingan-kepentingan STEM dalam kehidupan manusia

#### CADANGAN JAWAPAN :

Dasawarsa ini, Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) dilihat sebagai satu perkara yang prima dalam kehidupan manusia. Perkembangan ini dilihat ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Hampir setiap hari, ada sahaja teknologi baharu tercipta dan penemuan saintifik berlaku. Fenomena ini bukan sahaja memberikan kesan kepada manusia tetapi telah mengubah norma masyarakat untuk hidup berteraskan kemodenan. Realitinya, kehidupan yang kita nikmati pada hari ini tidak akan sempurna sekiranya tiada penyelidikan berteraskan sains dan penerapan teknologi. Oleh itu, marilah bersama-sama kita mengupas tentang peri pentingnya STEM dalam kehidupan manusia.

Sebagai lontaran idea yang pertama, kepentingan STEM dalam kehidupan seharian adalah dapat meningkatkan produktiviti dan kemampuan manusia. Hal ini timbul apabila manusia pada zaman purba agak terbatas pergerakannya untuk bergerak ke sesuatu destinasi yang ingin dituju. Ekoran perkembangan kemahiran dan pengetahuan yang berlaku, hal ini telah pun ditambah baik. Tamsilnya, revolusi industri pada tahun 1800 telah memangkin penggunaan teknologi dalam kehidupan manusia. Impaknya, kereta yang menggunakan enjin

dan dikuasakan oleh petrol telah mengubah cara manusia bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan mudah. Bulan semakin terang, bayang kian jelas membuktikan bahawa STEM dapat meningkatkan produktiviti dan kemampuan manusia.

Seterusnya, marilah kita mencapahkan lensa perbincangan dengan melihat betapa mustahaknya bidang ini dalam menambah baik tahap kesihatan dan keselamatan manusia. Hal ini dibuktikan dengan terciptanya pelbagai peralatan yang canggih bertujuan mengesan penyakit serta penyembuhannya. Misalnya, pesakit dapat menjalani proses rawatan secara berterusan dan berkala dan ini dapat mengurangkan risiko kematian berbanding pada zaman dahulu persis peribahasa, mencegah lebih baik daripada mengubati. Kelebihan ini juga secara tidak langsung dapat membantu manusia untuk lebih peka terhadap kesihatan diri dan orang sekeliling. Ingatlah bahawa nyawa tidak sesekali dapat dibeli dengan penyesalan. Dengan ini jelaslah bahawa, STEM amat penting kepada manusia khususnya dalam aspek kesihatan dan juga keselamatan diri.

Beralih kita kepada perspektif yang terakhir iaitu dapat membantu pemuliharaan serta pemeliharaan alam semula jadi. Umum mengetahui bumi kita sudah tenat dan telah menjangkau usia 4.5 billion tahun. Pelbagai bencana alam dan perubahan iklim berlaku sebagai tanda dan bukti ekosistemnya telah terganggu. Oleh sebab yang demikian, kita perlu menggunakan sains, teknologi dan inovasi untuk menghalang kemusnahan alam semula jadi dan menghasilkan teknologi yang mampu memelihara alam sekitar. Contohnya, ciptaan tenaga solar yang menangkap cahaya daripada matahari dan hidroelektrik yang terhasil daripada arus deras pergerakan air sungai. Kaedah ini jelas dapat menggantikan cara konvensional tenaga elektrik yang dijana melalui pembakaran arang batu dan juga petroleum. Maka siang bagai hari terang bagai bulan membuktikan bahawa STEM dapat membantu pemuliharaan serta pemeliharaan alam semula jadi.

Deduksinya, banyak kepentingan STEM yang boleh didapati dan digunakan dalam kehidupan manusia pada hari ini. Dalam konteks ini, kita seharusnya meluahkan rasa bersyukur dan menggunakan segala kemudahan yang tersedia dengan sebaiknya supaya hasilnya berimpak tinggi. Izharlah, setiap pihak perlu bersinergi bagai aur dengan tebing untuk mencari mekanisme terbaik agar negara kita dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain. Semoga inisiatif ini dapat direalisasikan sekali gus membawa negara kita ke arah wawasan agung yang diilhamkan oleh umarak dengan jayanya.

Dipetik dan diubah suai daripada iRujukan.my

(461 patah perkataan)

## Nombor 2

### TEMA : KESELAMATAN

“Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengenal pasti trend penyeludupan dadah di sempadan negara semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Kes penyeludupan membabitkan negara jiran khususnya di utara Semenanjung bukanlah perkara baharu. Menyedari perkembangan itu kerjasama antara negara amat diperlukan untuk mengelakkan sindiket penyeludupan dadah ini daripada bermaharajalela. Selain itu, kerajaan perlu memperkasakan undang-undang negara serta berkongsi data dan maklumat yang berkaitan dengan sindiket tersebut.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Ucapan Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay MalaysiaGazzete, 15 Januari 2022

Trend penyeludupan najis dadah di sempadan negara semakin membimbangkan kini. Berdasarkan petikan jelaskan langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk membanteras penyeludupan najis dadah.

#### PANDUAN :

Tema	Keselamatan
Isu	Penyeludupan dadah
Isi	1. Kerjasama antara negara amat diperlukan untuk mengelakkan sindiket penyeludupan dadah ini daripada bermaharajalela 2. Kerajaan perlu memperkasakan undang-undang negara 3. Berkongsi data dan maklumat yang berkaitan dengan sindiket tersebut
Kehendak soalan	Langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk membanteras penyeludupan najis dadah

#### CADANGAN JAWAPAN :

Pola peningkatan jenayah antarabangsa semakin membimbangkan kita sebagai penghuni ibu pertiwi ini dan juga masyarakat dunia secara amnya. Jenayah penyeludupan dadah yang semakin menular ini telah meragut nyawa ribuan manusia yang tidak bersalah namun terjerat sebagai mangsa. Masalah ini ibarat duri dalam daging lantaran saban hari kes jenayah ini timbul dengan episod baharu dan membuatkan hati menjadi walang. Malah sekiranya episod ini berterusan dan tidak dibasmi sehingga ke akar umbi pastinya akan menimbulkan rasa keluh kesah yang tidak berpenghujung dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, kita perlulah giat menggali dengan misi mencari langkah yang dapat dilakukan untuk membanteras penyeludupan najis dadah ini daripada terus bermaharajalela.

Sebagai lontaran idea yang pertama, sudah pastinya kerjasama antara negara di dunia amat diperlukan untuk mengelakkan sindiket penyeludupan dadah ini daripada bermaharajalela. Kerjasama antara agensi keselamatan antarabangsa seperti Interpol dengan agensi keselamatan tempatan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sudah pastinya dapat mengekang masalah ini daripada terus membarah dalam kalangan masyarakat. Misalnya, pihak polis negeri Kelantan terus bekerjasama dan berhubung rapat dengan pihak polis Thailand khususnya dalam usaha mempertingkatkan kawalan sempadan bagi membanteras kegiatan penyeludupan dadah. Sebagai natijahnya, usaha untuk melumpuhkan sindiket penyeludupan dadah dapat ditumpaskan. Maka siang bagai hari terang bagai bulan bahawa kerjasama antara negara di dunia amat diperlukan untuk mengelakkan sindiket penyeludupan dadah ini daripada terus bermaharajalela.

Menyingkap jendela langkah konkrit yang seterusnya, kerajaan perlu memperkasakan undang-undang negara demi menangani isu yang berlaku. Pemeraksanaan undang-undang negara merupakan salah satu cara untuk mengekang masalah penyeludupan dadah. Pelaksanaan hukuman yang berat ini amat perlu dikenakan terhadap seseorang sekiranya didapati bersalah menyeludup dadah ke sesebuah negara. Tamsilnya, kerajaan Malaysia telah menetapkan hukuman yang tegas dan paling berat seperti hukuman sebat dan gantung sampai mati kepada pesalah. Pelaksanaan hukuman ini akan menyebabkan penyeludup dadah berasa tidak selamat untuk menjalankan kegiatan tersebut. Prakarsa ini perlu dipergiatkan oleh pihak berkuasa dan jangan hanya sekadar hangat-hangat tahi ayam kerana jika dibiarkan akan menjadi barah dalam masyarakat mahupun negara. Tuntasnya, sebelum kudis menjadi tokak kerajaan perlulah memperkasakan undang-undang negara demi menangani isu penyeludupan dadah ini.

Langkah pragmatik yang terakhir pula ialah kerajaan perlu berkongsi data dan maklumat yang berkaitan dengan sindiket tersebut. Cara ini sudah pastinya akan melumpuhkan modus operandi sindiket penyeludupan dadah yang terancang ini. Biar kita ambil contoh peristiwa pihak polis yang telah berjaya menumpaskan sindiket pengedaran dadah antarabangsa hasil perkongsian maklumat dengan Biro Narkotik Hong Kong dan merampas pelbagai bahan kimia serta dadah dianggarkan bernilai RM7.89 juta. Impaknya, aktiviti penyeludupan dadah dapat disekat oleh pihak berkuasa. Kita mengakui hakikat di sini bahawa tindakan kerajaan berkongsi data dan maklumat yang berkaitan sindiket penyeludupan dadah ini merupakan langkah yang patut dilakukan untuk membanteras penyeludupan najis dadah daripada bergerak dengan bebasnya.

Kesimpulannya, tak ada gunung yang tak dapat didaki, tak ada lurah yang tak dapat dituruni. Oleh itu pelbagai langkah seharusnya dipraktikkan oleh pihak berwajib dalam membanteras isu penyeludupan dadah ini. Dalam konteks ini, pihak berkuasa perlulah sentiasa berwaspada dan segera bertindak atas kemungkinan-kemungkinan yang berlaku tanpa diduga. Usaha yang dilakukan bukan sekadar melepaskan batuk di tangga ini sudah pastinya dapat menoktahkan aktiviti penyeludupan dadah di negara ini. Sekiranya jenayah penyeludupan dadah ini berjaya dihapuskan, sudah pastinya keamanan dan keharmonian negara dapat dicapai dengan jayanya seperti yang dimpikan oleh setiap warga Malaysia yang prihatin.

(487 patah perkataan)

### Nombor 3

#### TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Kebersihan diri merupakan aspek yang penting untuk diambil peduli. Individu yang menjaga kebersihan diri sudah pastinya teliti dengan keperluan diri supaya kesihatan fizikal dan mental kita terjamin. Di samping itu, dapat mewujudkan suasana yang kondusif kepada diri sendiri dan orang yang berada di sekeliling kita malah dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan sejahtera.

*Sumber : Internet*

Berdasarkan petikan di atas. Bincangkan kepentingan-kepentingan menjaga kebersihan diri.

#### PANDUAN :

Tema	Kesihatan dan Kebersihan
Isu	Kebersihan diri
Isi	1. Supaya kesihatan fizikal dan mental kita terjamin 2. Dapat mewujudkan suasana yang kondusif kepada diri sendiri dan orang yang berada di sekeliling kita 3. Dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan sejahtera
Kehendak soalan	Kepentingan-kepentingan menjaga kebersihan diri

#### CADANGAN JAWAPAN :

Ulam pegaga biak di tepi,  
Akar menjalar hingga ke paya;  
Bersih diri terjaga rapi,  
Rakan yang hampir senyum ceria.

Menjaga kebersihan merupakan satu amalan yang penting dalam kehidupan setiap individu. Lazimnya, elemen ini perlu disemai sedari kecil supaya menjadi rutin dalam kehidupan walaupun telah beranjak usia. Hal ini dikatakan demikian kerana jika kebersihan diri tidak dijaga, pasti ada padah yang bakal menimpa. Namun begitu, masih ada sebilangan daripada kita yang memandang enteng tentang penjagaan kebersihan diri. Impaknya, mereka mudah dijangkiti penyakit. Sebagai makhluk yang dikurniakan akal, kita seharusnya tahu bahawa kebersihan diri adalah penting demi kemaslahatan bersama. Oleh itu, marilah kita sama-sama membincangkan tentang kepentingan-kepentingan menjaga kebersihan diri.

Memetik wasitah nirmala yang pertama, kepentingan menjaga kebersihan diri adalah supaya kesihatan fizikal dan mental kita terjamin. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila kita sentiasa komited menjaga kebersihan diri, sudah semestinya kita dapat mengelakkan diri daripada dijangkiti sebarang penyakit yang berbahaya. Sebagai contoh, rutin harian seperti mandi, menggosok gigi, mencuci tangan dan sebagainya perlu menjadi amalan oleh setiap

individu. Kesannya, badan kita akan sentiasa bersih dan bebas daripada kuman pembawa penyakit. Sudah terang lagi bersuluh, bahawa kita perlulah menjaga kebersihan diri supaya kesihatan fizikal dan mental kita terjamin.

Lanjutan daripada perspektif yang dinyatakan diatas, kepentingan daripada menjaga kebersihan diri yang lain pula adalah kita dapat mewujudkan suasana yang kondusif kepada diri sendiri dan orang yang berada di sekeliling kita. Hal ini disebabkan oleh, sekiranya kita sentiasa berada dalam keadaan yang bersih, kita sendiri akan berasa selesa, begitu juga dengan orang di sekeliling kita. Tamsilnya, suasana di tempat belajar atau bekerja akan berasa tenang dan harmoni kerana semua orang menjaga kebersihan diri masing-masing. Natiujahnya, situasi yang sebegini sudah pasti akan membantu kita untuk lebih fokus dengan tugas atau tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Izharnya, kebersihan diri dapat mewujudkan suasana yang kondusif kepada diri sendiri dan orang yang berada di sekeliling kita.

Seiring dengan kepentingan di atas, kebersihan diri juga penting untuk melahirkan masyarakat yang sihat dan sejahtera. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap individu yang menjaga kebersihan diri akan menggalakkan orang sekeliling untuk melakukan perkara yang sama supaya manfaat tersebut dapat dikongsi bersama. Sebagai analoginya, seorang pengusaha kosmetik atau pengengaruh media sosial boleh mempengaruhi berjuta-juta rakyat Malaysia untuk membeli produknya kerana mengidolakan penampilan mereka. Begitu juga dengan individu yang sentiasa menjaga kebersihan diri, kelakuan mereka akan mempengaruhi masyarakat sekeliling untuk melakukan perkara yang sama. Hasilnya, lahirlah masyarakat yang sihat sejahtera kesan daripada kebersihan diri yang dijaga bersama. Tegasnya, individu yang menjaga kebersihan diri bermula dari rumah dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan sejahtera.

Sebagai penghias bicara akhir, jelaslah bahawa terdapat pelbagai kepentingan menjaga kebersihan diri yang akan diperoleh sekiranya setiap individu memainkan peranan masing-masing. Analoginya, budaya yang diamalkan oleh generasi terdahulu seperti mencuci kaki sebelum masuk ke dalam rumah dan membasuh tangan sebelum makan wajar diteruskan dan menjadi bukti bahawa menjaga kebersihan adalah budaya kita. Semoga amalan menjaga kebersihan diri ini terus sehati dengan jiwa kita sekali gus dapat menaikkan martabat diri dan dihormati oleh orang lain asbab menjaga kebersihan diri.

(444 patah perkataan)

Sumber Rujukan

*Kepentingan Menjaga Kebersihan Diri: Isi & Contoh*

<https://ecentral.my/kepentingan-menjaga-kebersihan-diri/>

*Kepentingan Menjaga Kebersihan Diri Dalam Kehidupan Sehari-hari*

<https://www.irujukan.my/kebersihan-diri/>

#### Nombor 4

#### TEMA : KESELAMATAN

Jenayah siber merupakan aktiviti yang berpunca daripada penyalahgunaan teknologi pengkomputeran dan internet. Oleh itu, pihak kerajaan khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) seharusnya mengatur dan memperkenalkan undang-undang yang lebih komprehensif dalam memperkukuhkan keselamatan pengguna dalam berhadapan dengan jenayah siber. Selain itu, pihak kerajaan perlu menganjurkan pelbagai program kesedaran keselamatan siber bagi masyarakat awam secara berkala. Akhir sekali, pihak kerajaan boleh memperkenalkan pendidikan etika dalam penggunaan teknologi di peringkat sekolah mahupun di peringkat pendidikan tinggi.

*Sumber: Internet*

Sebagai respons bagi kenyataan di atas, terdapat pelbagai usaha terbaik yang perlu diambil untuk membanteras ancaman jenayah siber kepada masyarakat.

Bincangkan.

PANDUAN :

Tema	Keselamatan
Isu	Jenayah Siber
Isi	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pihak kerajaan khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) seharusnya mengatur dan memperkenalkan undang-undang yang lebih komprehensif dalam memperkukuhkan keselamatan pengguna dalam berhadapan dengan jenayah siber.</li><li>2. Pihak kerajaan menganjurkan pelbagai program kesedaran keselamatan siber bagi masyarakat awam secara berkala.</li><li>3. Pihak kerajaan memperkenalkan pendidikan etika dalam penggunaan teknologi di peringkat sekolah mahupun di peringkat pendidikan tinggi.</li></ol>
Kehendak soalan	Usaha-usaha membanteras ancaman jenayah siber kepada masyarakat

## CADANGAN JAWAPAN :

Pada era globalisasi ini, fenomena jenayah siber yang melibatkan keselamatan masyarakat kini kian membimbangkan serta mendapat pelbagai reaksi negatif dalam kalangan rakyat tempatan. Kemajuan teknologi yang pesat, akses mudah kepada Internet, perkembangan aplikasi digital dan penggunaan yang tidak bertanggungjawab sering kali menjadi asbab kepada pelbagai jenis jenayah dalam talian. Isu ini telah mendapat tempat dalam ruangan media sosial, kaca televisyen dan juga dada-dada akhbar sehingga menimbulkan kegusaran dan kebimbangan yang berpanjangan. Sifat tidak beretika dalam kalangan pelaku jenayah siber ini perlu ditangani secara proaktif untuk membendung ancaman ini daripada berlarutan. Oleh itu, pelbagai usaha yang berkesan dan jitu perlu dikenal pasti dalam membanteras ancaman yang serius ini demi kestabilan dan keselamatan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Sebagai lontaran idea yang pertama, pihak kerajaan khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) seharusnya mengatur dan memperkenalkan undang-undang yang lebih komprehensif dalam memperkukuhkan keselamatan pengguna dalam berhadapan dengan jenayah siber. Isu ini menjadi konteks mustahak dalam penggubalan rangka undang-undang yang lebih mampan dalam usaha mencegah jenayah ini dari berlarutan. Misalnya, pakar-pakar dalam bidang teknologi dan ahli masyarakat perlu sentiasa berganding bahu, membawa peranan penting dalam mengenal pasti sebarang kegiatan yang mencurigakan serta melaporkan kegiatan tersebut kepada pihak berkuasa. Hal ini semestinya dapat membanteras gejala ini daripada terus membarah bak peribahasa, bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat. Tegasnya, pengukuhan undang-undang infrastruktur keselamatan teknologi siber adalah asas penting dalam mencipta persekitaran yang lebih selamat.

Memetik wasitah nirmala yang seterusnya, pihak kerajaan boleh menganjurkan pelbagai program kesedaran keselamatan siber bagi masyarakat awam secara berkala. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan wujudnya penganjuran program ini secara tidak langsung dapat mendedahkan kepelbagaian info baharu tentang bahaya ancaman jenayah siber serta mengetengahkan usaha dalam menangani isu ini. Tamsilnya, program-program boleh dijalankan dengan kerjasama yang padu daripada pihak kerajaan iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan pihak swasta seperti Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) . Impaknya, kita dapat memastikan orang awam lebih berhati-hati dan mampu membendung diri daripada menjadi mangsa ancaman siber, bak peribahasa 'sediakan payung sebelum hujan'. Tuntasnya, dengan adanya penganjuran pelbagai program kesedaran keselamatan siber untuk masyarakat secara berkala ini akan menjadikan masyarakat lebih cakna tentang isu yang berlaku.

Perspektif yang terakhir ialah pihak kerajaan memperkenalkan pendidikan etika dalam penggunaan teknologi di peringkat sekolah mahupun di peringkat pendidikan tinggi. Dalam konteks ini, strategi yang digunakan adalah untuk meneguhkan kefahaman masyarakat tentang etika dan modus operandi yang tepat apabila menggunakan pelbagai aplikasi peranti mudah alih. Oleh itu, para pendidik yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi multimedia dan siber seharusnya berperanan sebagai platform utama dalam membentuk

generasi muda khususnya golongan remaja dan belia yang celik digital. Usaha ini sudah pasti akan dapat memberikan impak yang maksimum dengan usaha bersama ibarat berat sama dipikul ringan sama dijinjing. Tegasnya, didikan awal pendidikan etika dalam penggunaan teknologi di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi dapat membantu masyarakat memahami risiko dan bahaya ancaman jenayah siber.

Konklusinya, pelbagai langkah perlu diimplementasi oleh pihak kerajaan dalam membanteras ancaman jenayah siber yang kian meruncing dalam masyarakat. Masyarakat yang peka dengan isu jenayah siber ini sudah semestinya akan terhindar daripada menjadi sasaran penjahat yang sentiasa ‘lapar’ mencari mangsa. Oleh itu, seyogianya semua pihak haruslah berganding bahu, sebulat suara dan bersatu hati dalam menangani isu ini supaya lingkungan kita terhindar daripada ancaman jenayah siber.

(487 patah perkataan)

## Nombor 5

### TEMA : PENTADBIRAN DAN POLITIK

Perlembagaan Malaysia merupakan undang-undang yang tertinggi yang dibentuk berasaskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan. Perlembagaan ini dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum, memastikan pentadbiran dan pemerintahan yang adil dan telus dapat dilaksanakan serta menjamin pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara yang memberi manfaat kepada rakyatnya.

*Sumber : Internet*

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kepentingan-kepentingan Perlembagaan Malaysia kepada semua.

PANDUAN :

Tema	Pentadbiran dan politik
Isu	Perlembagaan Malaysia
Isi	1. Dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum 2. Memastikan pentadbiran dan pemerintahan yang adil dan telus dapat dilaksanakan 3. Menjamin pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara yang memberi manfaat kepada rakyatnya
Kehendak soalan	Kepentingan-kepentingan Perlembagaan Malaysia kepada semua

CADANGAN JAWAPAN :

Perlembagaan Malaysia adalah undang-undang tertinggi yang dibentuk berasaskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan. Undang-undang bertulis ini telah diperkenalkan sebagai Perlembagaan Malaysia pada 16 September 1963 bersamaan dengan Hari Malaysia. Negara lain seperti Jerman, Australia dan Kanada juga mempunyai perlembagaan persekutuan yang menjadi undang-undang tertinggi dalam membentuk negara masing-masing. Perlembagaan bertulis yang pertama di dunia telah dirangka dan dikenali sebagai Piagam Madinah. Dalam rangka ini menetapkan hubungan rakyat dengan entiti pemerintahan negara yang dipersetujui bersama. Undang-undang ini juga mewujudkan sempadan antara kuasa persekutuan dengan badan eksekutif dan badan perundangan. Oleh itu, wajar untuk dibincangkan kepentingan-kepentingan Perlembagaan Malaysia kepada semua.

Merujuk wasitah nirmala yang pertama, kepentingan utama Perlembagaan Malaysia adalah mengukuhkan perpaduan antara kaum. Umum sedia maklum, rakyat yang menetap di negara kita terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Setiap di antara kita mempunyai perbezaan budaya dan generasi terdahulu telah berjaya menunjukkan sifat

toleransi serta kesepaduan masyarakat majmuk. Bagi membuktikan perkara ini, contoh yang boleh diketengahkan ialah, warganegara Malaysia berhak mendapat perlindungan yang sama rata daripada pihak berkuasa seperti polis dan tentera bagi menjamin keselamatan diri dan negara. Impaknya perpaduan kaum dapat dipupuk secara bersama tanpa menimbulkan isu sentimen perkauman. Izharlah, mengukuhkan perpaduan antara kaum merupakan salah satu kepentingan Perlembagaan Malaysia kepada semua.

Berganjak pula kepada perspektif yang seterusnya iaitu memastikan pentadbiran dan pemerintahan yang adil dan telus dapat dilaksanakan. Malaysia menerusi Kerajaan Persekutuan yang dibentuk adalah berlandaskan kepada demokrasi berparlimen. Perkara ini dapat dijalankan melalui proses pilihan raya yang memberikan hak kepada rakyat untuk memilih wakil masing-masing. Tamsilnya, parti yang mempunyai majoriti kerusi di parlimen akan membentuk kerajaan persekutuan dan menjalankan tugas-tugas eksekutif negara. Kesannya, pertindihan atau pemusatan kuasa dalam pemerintahan dan pentadbiran negara dapat dielakkan serta rakyat boleh menentukan hala tuju politik negara. Bulan semakin terang, bayang kian jelas membuktikan bahawa memastikan pentadbiran dan pemerintahan yang adil dan telus dapat dilaksanakan dengan adanya Perlembagaan Malaysia.

Sebagai lontaran idea yang terakhir pula, Perlembagaan Malaysia merupakan elemen yang penting bagi menjamin pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara yang memberi manfaat kepada rakyatnya. Menurut persetujuan yang dicapai dalam Perlembagaan Malaysia, terdapat peruntukan dari segi hak sebagai warganegara dalam peluang pendidikan dan pekerjaan. Ironinya, perkara ini menunjukkan bahawa undang-undang itu berperanan dalam mengenal pasti hak sosial yang wajar diperoleh. Misalnya, imej negara yang baik dan ditonjolkan di mata dunia sudah pastinya akan membuka mata dan sekali gus mudah menarik minat para pelabur asing untuk melabur di negara kita. Ini secara tidak langsung akan mencipta peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan dan pertumbuhan ekonomi domestik automatik akan bercambah. Intihanya, berlandaskan undang-undang yang baik sudah pastinya dapat menjamin pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara yang dapat memberi manfaat kepada rakyatnya.

Secara tuntasnya, Perlembagaan Malaysia adalah undang-undang bertulis yang memberikan pelbagai kepentingan kepada kita sebagai rakyat dan juga pemerintah serta pentadbiran negara. Oleh itu, kita seyogiannya perlu mewujudkan obligasi yang kukuh dalam mengukuhkan perpaduan antara kaum dan mengambil iktibar daripada sejarah pembentukan negara kita. Kesepakatan dan perpaduan antara semua akan membawa kita ke arah yang lebih baik berbanding bergerak secara berpecah-belah. Persis kata peribahasa, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Oleh itu, walau di mana kita berpihak, kita seharusnya sedar bahawa tanah yang kita pijak dan langit yang dijunjung adalah pinjaman daripada Tuhan untuk dikongsi bersama.

Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.ipendidikan.my/kepentingan-perlembagaan-malaysia.html>

(500 patah perkataan)

## Nombor 6

### TEMA : PERPADUAN

Perpaduan kaum adalah asas kepada keharmonian, kestabilan dan kemajuan negara terutama di Malaysia yang terkenal dengan kepelbagaian kaum. Namun dalam beberapa dekad kebelakangan ini perpaduan kaum dilihat semakin pudar. Terdapat pelbagai usaha boleh dilakukan untuk mengekalkan perpaduan kaum seperti mengamalkan sikap sentiasa bergaul dengan kawan-kawan yang berbeza kaum, amalan kunjung-mengunjungi rakan yang berlainan kaum ketika perayaan dan memanfaatkan media sosial sebagai alat untuk mengukuhkan perpaduan kaum

*Sumber : Internet*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan usaha-usaha memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini.

#### PANDUAN :

Tema	Perpaduan
Isu	Semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia semakin pudar.
Isi	1. Mengamalkan sikap sentiasa bergaul dengan kawan-kawan yang berbeza kaum. 2. Amalan kunjung-mengunjungi rakan yang berlainan kaum ketika perayaan utama. 3. Memanfaatkan media sosial sebagai alat untuk mengukuhkan perpaduan kaum.
Kehendak Soalan	Usaha-usaha memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini.

#### CADANGAN JAWAPAN :

Dalam meniti ranjau kehidupan yang penuh dengan pancaroba ini, setiap insan di negara ini mengimpikan sebuah negara yang bebas daripada bibik-bibik perbalahan dan persengketaan. Umum mengetahui, negara kita telah merdeka melebihi enam dekad. Dalam tempoh tersebut, banyak onak dan duri telah kita lalui bagi mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Menyedari hakikat ini, kita sebagai rakyat yang cinta akan negara, haruslah sentiasa berusaha untuk memperkukuh lagi perpaduan yang sedia ada. Persoalan yang bermain dibenak ini, apakah usaha pragmatik yang dapat diimplimentasikan untuk memperkukuh perpaduan?

Sebagai pembuka tirai perbincangan, salah satu usaha yang boleh kita lakukan bagi memperkukuh perpaduan ialah kita boleh mengamalkan sikap sentiasa bergaul dengan kawan-kawan yang berlainan kaum. Senario ini menjadikan kita tidak akan memilih rakan dan

berkawan dengan sesiapa sahaja tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang mereka. Menerusi pergaulan tersebut, kita akan membina rasa hormat terhadap mereka sekali gus dapat mengenali rakan-rakan dengan lebih dekat persis peribahasa tak kenal maka tak cinta. Hal ini dapat dibuktikan apabila pergaulan dan silaturahmi yang dibina akan memupuk nilai hormat menghormati serta bertolak ansur antara kita dengan kawan kita yang berlainan kaum. Bulan kian terang, bayang kian jelas bahawa dengan mengamalkan sikap bergaul mesra dengan semua orang tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit, perpaduan di dalam negara kita dapat diperkukuh dengan jayanya.

Dari kaca mata yang lain pula, amalan kunjung-mengunjungi rakan yang berlainan kaum ketika perayaan utama juga merupakan antara usaha untuk memperkukuh perpaduan. Menerusi kunjungan tersebut, sudah pasti kita dapat memahami agama dan budaya hidup rakan-rakan. Dalam konteks ini, amalan kunjung-mengunjungi dapat mengukuhkan kefahaman seseorang terhadap cara hidup rakan mereka. Sebagai tamsilan, semasa sambutan perayaan kaum Melayu iaitu hari raya aidilfitri, kita boleh menjemput dan menghidangkan juadah tradisional kepada rakan-rakan kita seperti lemang, ketupat dan rendang bagi meraikan mereka. Perkara ini jika diperhalusi mampu mengukuhkan hubungan sekali gus mewujudkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebagai kesimpulan kepada hujah ini, dapat disimpulkan bahawa amalan kunjung-mengunjungi merupakan salah satu usaha untuk mengukuhkan perpaduan di negara ini.

Menelusuri skop perbincangan terakhir, kita juga boleh memanfaatkan media sosial sebagai salah satu alat untuk mengukuhkan perpaduan kaum. Perkara ini dikatakan demikian kerana media sosial seperti Facebook, Youtube dan lain-lain membolehkan kita memuat naik berita atau gambar-gambar tentang aktiviti-aktiviti yang kita lakukan dengan rakan-rakan daripada kaum lain. Selain itu, kita juga boleh memuat naik video yang memaparkan kebaikan hubungan baik antara kaum. Hal ini dikatakan demikian kerana media sosial besar pengaruhnya terhadap masyarakat. Justeru, media sosial harus dimanfaatkan semaksimum yang mungkin untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Jelaslah bahawa teknologi yang semakin pesat merupakan aset penting dan boleh menjadi wadah bagi mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Sebagai penutup perbincangan kepada isu ini, dapat disimpulkan bahawa perpaduan antara kaum dan keharmonian yang dikecapi merupakan nikmat serta asas yang penting kepada pembentukan sebuah negara yang maju dan moden. Tanpa mengecapi keharmonian ini, hasrat anak watan ini untuk menjadi sebuah negara yang maju dan moden pasti sekadar menjadi hangat-hangat tahi ayam. Dalam hal ini, sebagai rakyat yang bertunjangan akal yang waras, kita wajarlah mengukuhkan perpaduan bagi menunjukkan kecintaan kita kepada negara selari dengan prinsip Rukun Negara iaitu kesetiaan kepada raja dan negara. Implikasinya, imej negara kita akan dikenali di seantero dunia menjadikan negara kita mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain.

(487 patah perkataan)

## Nombor 7

### TEMA : PENDIDIKAN

Semangat saling menyayangi dalam masyarakat semakin terhakis di tengah arus pemodenan dan kemajuan negara. Kejadian jenayah seperti pembunuhan, ragut, penculikan, dan pembuangan bayi menjadi cerminan hilangnya perasaan kasih sayang dalam kalangan masyarakat. Bagi mengatasi masalah ini, peranan ibu bapa sangat penting dalam membentuk masyarakat penyayang. Ibu bapa perlu mencurahkan kasih sayang yang cukup, memberikan didikan agama yang mendalam dan menunjukkan teladan yang baik.

Sumber: ChatGPT

Pada pendapat anda, apakah peranan ibu bapa dalam membentuk masyarakat penyayang dan bagaimanakah nilai-nilai tersebut dapat dipupuk dalam diri anak-anak?

#### PANDUAN :

Tema	Pendidikan
Isu	Semangat saling menyayangi dalam masyarakat semakin terhakis
Isi	1. Ibu bapa perlu mencurahkan kasih sayang yang cukup 2. Ibu bapa memberikan didikan agama yang mendalam 3. Ibu bapa menunjukkan teladan yang baik
Kehendak soalan	Peranan ibu bapa dalam membentuk masyarakat penyayang dan bagaimanakah nilai-nilai tersebut dapat dipupuk dalam diri anak-anak?

#### CADANGAN JAWAPAN :

Dewasa ini, semakin hari, semangat saling menyayangi dalam masyarakat semakin terhakis ditelan arus pemodenan dan kemajuan negara. Hal ini terbukti apabila saban hari kita dihadapkan dengan pelbagai kejadian jenayah seperti kes pembunuhan, ragut, penculikan serta kes pembuangan bayi yang tidak berdosa. Kejadian-kejadian tersebut sekali gus memadamkan semangat saling menyayangi dalam masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat penyayang hanya dapat dibentuk melalui perasaan saling menyayangi dan menghormati sesama ahli keluarga yang merupakan asas kepada pembentukan masyarakat. Apakah peranan ibu bapa dalam membentuk masyarakat penyayang dalam era globalisasi ini?

Prakarsa utama dalam isu ini adalah ibu bapa perlu mencurahkan kasih sayang yang secukupnya kepada anak-anak. Hal ini analoginya, kehidupan anak-anak harus diisi dengan kasih sayang yang dicurahkan oleh ibu bapa dengan menyemai sikap penyayang dalam diri anak-anak sejak kecil lagi seperti kata peribahasa, melentur buluh biarlah dari rebungnya. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat kasih sayang yang dipupuk sejak kecil akan lebih mudah terlaksana malah akan terus sebatu dalam diri anak-anak apabila mereka dewasa. Sebagai contoh, ibu bapa harus sentiasa berada di samping anak-anak semasa mereka dalam kekecewaan seperti gagal dalam peperiksaan untuk menenangkan hati dan perasaan mereka. Sekiranya hal ini diberikan perhatian oleh ibu bapa maka anak-anak akan berasa dihargai dan

masalah yang mereka alami akan dapat diselesaikan melalui pertolongan ahli keluarga. Tegasnya, ibu bapa harus sedia melapangkan waktu untuk mencurahkan kasih sayang kepada anak kerana ibu bapa merupakan insan terhampir dengan diri anak-anak.

Selain itu, didikan agama juga perlu untuk melahirkan masyarakat yang penyayang di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak ada agama yang diturunkan oleh Allah s.w.t yang mengajar penganutnya bersikap kasar dan ganas kepada individu lain apatah lagi dalam kalangan ahli keluarga sendiri. Sehubungan dengan itu, ibu bapa seharusnya mengajar anak-anak mereka mendalami ilmu agama dan mendekati diri kepada Tuhan. Sebagai contoh, amalan yang boleh diajar kepada anak-anak adalah menunaikan solat fardhu, membaca Al-Quran dan berzikir. Bagi penganut-penganut agama lain, ibu bapa perlu selalu mengajak anak-anak mereka ke rumah ibadat. Amalan-amalan ini akan melembutkan hati dan mententeramkan jiwa serta melahirkan anak-anak yang bersahsiah mulia. Sifat ini akan menjadi darah daging dalam diri anak-anak dan mendorong mereka untuk berperilaku baik seterusnya sentiasa menyayangi keluarga. Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi didikan agama yang secukupnya amat penting dalam melahirkan individu penyayang.

Di samping itu, ibu bapa juga haruslah menunjukkan nilai-nilai yang baik kepada anak-anak mereka. Ibu bapa mestilah menjadi suri teladan kepada anak-anak mereka dan tidak bersikap seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul. Hal ini dikatakan demikian kerana keperibadian anak-anak mencerminkan perwatakan ibu bapa mereka juga. Banyak nilai baik yang boleh ditunjukkan kepada anak-anak. Sebagai contohnya, ibu bapa mengamalkan semangat kejiranan yang tinggi seperti semangat saling menghormati, bekerjasama dan saling membantu dalam masyarakat. Mereka perlu melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong, menziarahi jiran yang sakit serta dilanda musibah malah bertegur sapa tanpa mengira bangsa dengan jiran tetangga. Nilai-nilai baik ini akan menjadi ikutan kepada anak-anak. Jelaslah bahawa, ibu bapa yang menunjukkan nilai-nilai yang baik kepada anak-anak mereka akhirnya dapat membentuk sifat penyayang dalam diri anak-anak yang juga akan disayangi dan dihormati oleh masyarakat.

Konklusinya, ibu bapa memainkan peranan yang sangat besar dalam melahirkan individu dan sekali gus masyarakat yang penyayang di negara kita. Oleh itu, ibu bapa harus meningkatkan peranan mereka semaksimum mungkin, namun dalam masa yang sama tidak mengamalkan sikap pilih kasih antara anak-anak. Harapan yang didambakan oleh semua orang ialah amalan kasih sayang yang berjaya dipraktikkan mampu mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Sesungguhnya, individu yang penyayang akan mewujudkan keluarga cemerlang seterusnya akan melahirkan generasi yang menjadi pemangkin masyarakat Madani dan bangsa yang terbilang.

(481 patah perkataan)

## Nombor 8

### TEMA : PERPADUAN

Sebagai negara yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum dan etnik, perpaduan serta integrasi nasional memainkan peranan utama untuk mewujudkan negara yang aman, harmoni, dan makmur. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu berganding bahu dalam usaha memupuk perpaduan kaum di Malaysia.

Sumber: Buku Teks Tingkatan 5

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk memupuk perpaduan kaum di negara ini?

#### PANDUAN :

Tema	Perpaduan
Isu	Perpaduan kaum di Malaysia
Isi	1. Peranan pihak kerajaan hendaklah mengadakan kempen bertemakan perpaduan kaum. 2. Peranan pihak kerajaan hendaklah mengadakan kempen bertemakan perpaduan kaum. 3. Peranan pihak sekolah perlulah memperkasa aktiviti kokurikulum.
Kehendak soalan	Usaha-usaha untuk memupuk perpaduan kaum di negara ini.

#### CADANGAN JAWAPAN :

Dasawarsa ini, semangat perpaduan kian sirna dari hari ke hari dalam lubuk hati rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana rakyat Malaysia terutamanya generasi muda kini mula bersikap acuh tidak acuh akan semangat perpaduan kaum yang telah diwarisi secara turun-temurun sejak negara mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957. Buktinya, mereka sering kali mengamalkan sikap seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing dalam menjalani kehidupan seharian walaupun hidup dalam negara berbilang kaum. Situasi sebegini jika dibiarkan boleh menjadi barah dalam pembentukan negara Madani yang memperjuangkan keharmonian, kesepaduan dan kesepakatan rakyat pelbagai bangsa dan agama. Oleh itu, beberapa usaha memupuk perpaduan kaum di negara ini perlulah segera diambil bagi mengelakkan peristiwa hitam 13 Mei 1969 berulang kembali.

Merujuk wasitah nirmala yang pertama adalah peranan pihak kerajaan hendaklah mengadakan kempen bertemakan perpaduan kaum. Hal ini bertujuan supaya seluruh warga Malaysia dapat diberikan kesedaran tentang kelebihan mengamalkan semangat perpaduan pada hari ini dan masa akan datang. Sebagai tamsilnya, pelaksanaan kempen perpaduan boleh dijalankan dalam bentuk jerayawara ke seluruh pelosok negara dengan pengisian program berkaitan perjuangan tokoh-tokoh terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan V.T. Sambanthan dalam memerdekakan negara. Implikasinya, kempen ini berupaya

mengembalikan kesedaran generasi muda tentang jerih kesusahan tokoh-tokoh terdahulu untuk mendapat kemerdekaan dan kebebasan daripada penjajah British untuk Tanah Melayu. Jelaslah bahawa kempen bertemakan perpaduan kaum yang diadakan oleh pihak kerajaan merupakan salah satu usaha memupuk perpaduan kaum di negara ini.

Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata bahawa cara memupuk perpaduan kaum di negara ini ialah ibu bapa sewajarnya memainkan peranan penting dengan mendidik anak-anak sejak kecil lagi. Keadaan ini dikatakan demikian kerana ibu bapalah insan yang paling rapat dengan anak-anak dan berupaya menjadi suri teladan yang dapat dijadikan ikutan buat mereka kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sebagai contoh, ibu bapa boleh mendidik anak-anak untuk mengenali dan menghormati jiran tetangga yang berbilang kaum melalui pembudayaan amalan bertegur sapa. Dalam masa yang sama, ibu bapa juga perlu mempamerkan sikap ringan tulang dalam membantu jiran-jiran yang dalam kesusahan walaupun berlainan agama. Dengan ini, anak-anak akan mula memahami budaya berbilang bangsa dan dapat mengelakkan perselisihan faham antara kaum daripada terus berlaku kerana mencegah lebih baik dari mengubati. Jelaslah, bahawa peranan ibu bapa merupakan peranan penting dalam memupuk perpaduan bermula dari didikan keluarga.

Seterusnya dari sudut pandangan yang berbeza, langkah untuk memupuk perpaduan di Malaysia ialah pihak sekolah perlulah memperkasa aktiviti kokurikulum. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan mampu menarik minat murid-murid untuk berganding bahu bagai aur dengan tebing dalam satu pasukan walaupun berlainan kaum. Misalnya, nilai perpaduan dapat dilihat secara nyata menerusi pertandingan bola sepak kerana ahli pasukan yang berbeza etnik akan mempunyai kesepakatan dalam mengatur strategi demi memburu sebuah kemenangan. Impaknya, nilai perpaduan yang diperoleh tadi akan menjadi sebatil dalam diri mereka. Jelaslah bahawa pemerkasaan aktiviti kokurikulum oleh pihak sekolah merupakan salah satu usaha memupuk perpaduan.

Kesimpulannya, pembudayaan semangat perpaduan amat penting dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Oleh hal yang demikian, semua pihak hendaklah bekerjasama menggembelng tenaga dalam merealisasikan usaha memupuk perpaduan kaum di negara ini. Hal ini bertujuan supaya seluruh rakyat Malaysia dapat memahami dan menjiwai nilai bersatu padu dalam meniti kehidupan. Dengan ini, keharmonian dan keamanan negara mampu dikekalkan sampai bila-bila kerana bersatu teguh berceraai roboh. Keteguhan semangat perpaduan ini bukan sahaja dapat mendamaikan rakyat malah mampu menjulang negara di persada dunia sebagai negara majmuk contoh yang harmoni.

(461 patah perkataan)

## Nombor 9

### TEMA: PERPADUAN

Perpaduan merupakan asas utama dalam mewujudkan keharmonian dan kestabilan di Malaysia. Tanpa perpaduan yang kukuh, masyarakat mudah terpecah-belah, mengakibatkan ketidakstabilan sosial dan politik. Oleh itu, usaha memupuk perpaduan perlu diambil serius oleh semua pihak termasuk kerajaan, masyarakat, dan individu.

Sumber: ChatGPT

Sebagai respons bagi kenyataan di atas, terdapat beberapa usaha penting yang boleh diambil untuk memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia terus terpelihara dan kukuh demi masa depan negara yang cerah.

Bincangkan.

PANDUAN :

Tema	Perpaduan
Isu	Kukuhkan perpaduan
Isi	1. Pihak kerajaan mengubah sistem pendidikan 2. Masyarakat juga boleh mengaplikasi sukan dan rekreasi sebagai medium yang berkesan 3. Kerajaan juga memainkan peranan yang besar dalam memastikan perpaduan terus kukuh di Malaysia.
Kehendak soalan	Usaha penting yang boleh diambil untuk memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

CADANGAN JAWAPAN :

Perpaduan merupakan asas utama dalam mewujudkan keharmonian dan kestabilan di Malaysia, sebuah negara yang terkenal dengan masyarakat berbilang kaum, agama, dan budaya. Dalam konteks ini, perpaduan adalah kunci kepada kemajuan dan kesejahteraan negara. Malahan, perpaduan yang kukuh juga menjamin keselamatan dan kestabilan negara, kerana rakyat yang bersatu padu akan saling menjaga antara satu sama lain. Oleh itu, usaha memupuk perpaduan perlu diambil serius oleh semua pihak termasuk kerajaan, masyarakat, dan individu itu sendiri. Sesungguhnya, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia terus terpelihara dan kukuh demi memastikan masa depan negara yang cerah.

Sebagai lontaran idea yang pertama, langkah pihak kerajaan mengubah sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan berperanan besar dalam membentuk minda dan sikap anak-anak bangsa. Justeru, sekolah-sekolah perlu

menekankan nilai-nilai murni seperti toleransi, hormat-menghormati, dan kesaksamaan melalui pelbagai aktiviti dan program yang dirancang dengan teliti. Kurikulum yang inklusif dan merangkumi semua aspek kebudayaan perlu diperkenalkan untuk mendidik pelajar tentang kepentingan memahami dan menghormati kepelbagaian budaya. Sebagaimana kata peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungunya, program seperti Rukun Negara dan aktiviti kokurikulum yang melibatkan pelbagai kaum boleh membantu menyatukan pelajar dari latar belakang yang berbeza, sekali gus mengeratkan hubungan antara mereka. Dengan demikian, generasi muda akan membesar dengan sikap yang positif terhadap perpaduan. Terbuktilah, peranan pihak kerajaan merupakan langkah yang sangat dominan.

Bagi meneruskan idea yang seterusnya, masyarakat juga boleh mengaplikasi sukan dan rekreasi sebagai medium yang berkesan dalam memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat. Hal ini dapat dilihat melalui aktiviti sukan adalah aktiviti yang memerlukan kerjasama, semangat berpasukan, dan persaingan yang sihat. Oleh itu, melalui sukan, individu daripada pelbagai kaum boleh berinteraksi dalam suasana yang santai dan menyenangkan seterusnya membina persefahaman dan menghormati perbezaan antara satu sama lain. Pertandingan sukan antara kaum di peringkat sekolah atau komuniti, ibarat aur dengan tebing, boleh menjadi platform untuk membina persefahaman serta mengurangkan jurang antara kaum. Aktiviti-aktiviti ini, secara tidak langsung mampu memperkukuhkan hubungan antara masyarakat berbilang kaum, sekali gus mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Supaya wawasan agung negara kita dapat dicapai secara optimum, kerajaan juga memainkan peranan yang besar dalam memastikan perpaduan terus kukuh di Malaysia. Hal ini dapat dirungkai melalui, dasar-dasar yang adil dan saksama perlu diteruskan untuk memastikan semua kaum mendapat manfaat yang setara dan tidak ada pihak yang berasa terpinggir. Sebagai contoh, program seperti 1 Malaysia dan Dasar Ekonomi Baru harus diperkasakan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat secara keseluruhan tanpa mengira kaum kerana kestabilan ekonomi adalah salah satu faktor penting kepada perpaduan, bak kata peribahasa bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Jadi, apabila penganjuran acara kebudayaan dan keagamaan yang melibatkan semua kaum dapat memperkukuhkan semangat perpaduan. Dengan adanya dasar yang inklusif dan menyeluruh, perpaduan dalam kalangan rakyat dapat terus diperkukuhkan.

Konklusinya, perpaduan ialah elemen penting yang perlu dipelihara untuk memastikan keharmonian dan kemajuan negara. Usaha memupuk perpaduan memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Melalui pendidikan yang inklusif, aktiviti sukan yang melibatkan semua kaum serta dasar kerajaan yang adil dan saksama, dapat terus memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, bak kata peribahasa, ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni. Malaysia akan terus maju sebagai sebuah negara yang harmoni dan sejahtera dimana rakyat hidup dalam suasana aman dan saling menghormati antara satu sama lain. Sesungguhnya, perpaduan adalah asas kepada kejayaan dan kestabilan negara dan kita harus menjaganya dengan sebaik mungkin demi generasi yang akan datang.

(488 patah perkataan)

## Nombor 10

### TEMA : KESELAMATAN

Keselamatan di rumah adalah tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan kerana rumah adalah tempat perlindungan utama bagi kita sekeluarga. Namun, tanpa langkah-langkah keselamatan yang betul, rumah boleh bertukar menjadi lokasi yang berisiko. Aspek keselamatan rumah meliputi banyak perkara, termasuk pencegahan kemalangan domestik, perlindungan daripada ancaman luar seperti kecurian, serta persediaan menghadapi bencana alam. Setiap ahli keluarga perlu memainkan peranan masing-masing untuk memastikan keselamatan di rumah sentiasa terpelihara.

*Sumber: ChatGPT*

Dengan itu, mari kita lihat apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan keselamatan di rumah demi keharmonian keluarga.

Bincangkan.

PANDUAN :

Tema	Keselamatan
Isu	Keselamatan di rumah
Isi	1. Kita perlulah memastikan rumah kita bebas daripada risiko kemalangan domestik. 2. Keselamatan daripada ancaman luar seperti kes kecurian juga perlu diberi perhatian. 3. Persediaan menghadapi bencana alam seperti banjir, gempa bumi atau kebakaran hutan.
Kehendak soalan	Langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan keselamatan di rumah demi keharmonian keluarga.

CADANGAN JAWAPAN :

Sejak akhir-akhir ini, isu keselamatan di rumah sering diperkatakan oleh banyak pihak kerana isu ini merupakan aspek yang sangat penting dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana rumah adalah tempat kita berasa paling selamat dan selesa. Namun, jika tiada langkah-langkah keselamatan yang betul, rumah boleh menjadi lokasi yang sangat berbahaya. Keselamatan di rumah bukan sahaja melibatkan pencegahan kemalangan tetapi juga perlindungan daripada ancaman luar seperti kes kecurian dan bencana alam. Oleh hal yang demikian, kita perlu membincangkan langkah-langkah penting untuk memastikan keselamatan di rumah terpelihara serta kepentingannya dalam menjamin keharmonian keluarga. Setiap ahli keluarga seharusnya bersatu padu **bagai aur dengan tebing** dalam usaha memastikan keselamatan di rumah sentiasa diberikan keutamaan.

Prakarsa perdana ialah kita perlulah memastikan rumah kita bebas daripada risiko kemalangan domestik. Salah satu langkah asas adalah dengan memastikan semua peralatan

elektrik berada dalam keadaan baik dan digunakan dengan cara yang betul. Kabel yang rosak atau penggunaan alat elektrik yang berlebihan boleh menyebabkan kebakaran. Oleh itu, aspek penting yang tidak harus diabaikan adalah untuk memeriksa secara berkala keadaan peralatan elektrik dan menggantikan yang rosak. Selain itu, peralatan memasak seperti dapur gas juga perlu diperiksa dengan kerap bagi mengelakkan kebocoran gas yang boleh membawa kepada letupan atau kebakaran. Sememangnya **mencegah lebih baik daripada mengubati**. Kita perlulah **sediakan payung sebelum hujan** dengan mengambil semua langkah pencegahan sebelum kemalangan berlaku. Oleh itu, pemeriksaan berkala itu adalah sangat penting dalam mengekang sebarang risiko di rumah.

Jika ditinjau dari skop yang lain, keselamatan daripada ancaman luar seperti kes curian juga perlu diberi perhatian. Hal ini dikatakan demikian kerana pemasangan sistem keselamatan seperti kamera pengawasan dan alat penggera boleh membantu mengurangkan risiko curian. Pastikan pintu dan tingkap sentiasa berkunci, terutamanya ketika keluar rumah. Selain itu, lampu luar yang terang juga boleh menjadi penghalang kepada pencuri kerana mereka lebih cenderung untuk menghindari rumah yang mudah dilihat. Kita perlulah sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan kerana **malang itu tidak berbau**. Biarlah kita menjadi **seperti harimau menyembunyikan kukunya** dengan bersikap bijak dalam melindungi rumah kita daripada ancaman yang tidak disangka-sangka.

Sebelum kudis menjadi tokak, keselamatan di rumah juga merangkumi persediaan menghadapi bencana alam seperti banjir, gempa bumi atau kebakaran hutan. Bagi rumah yang terletak di kawasan berisiko banjir, setiap keluarga wajib untuk mempunyai pelan pemindahan masing-masing. Hal ini untuk memastikan semua dokumen penting disimpan di tempat yang selamat dan mudah diambil ketika berlakunya kecemasan. Selain itu, pemasangan alat pemadam api dan latihan kebakaran berkala juga boleh membantu mengurangkan risiko dan kerosakan jika berlakunya kebakaran. Setiap ahli keluarga perlu diberikan pengetahuan asas tentang langkah-langkah keselamatan dan cara untuk bertindak ketika kecemasan. Kanak-kanak perlu diajar tentang bahaya bermain dengan peralatan elektrik, api dan bahan kimia. Anak-anak kecil ini perlu dididik dari awal tentang aspek keselamatan kerana **melentur buluh biarlah dari rebungunya**. Jadi, persediaan awal menghadapi bencana penting supaya kita sentiasa dalam keadaan bersedia.

Walhasil, keselamatan di rumah adalah tanggungjawab kita bersama. Pendidikan dan kesedaran tentang keselamatan perlu ditingkatkan dalam kalangan ahli keluarga. Setiap ahli keluarga perlu memainkan peranan mereka dalam memastikan rumah sebagai tempat yang paling selamat dan harmoni. Dengan mengambil langkah-langkah pencegahan yang betul, kita bukan sahaja dapat mengurangkan risiko kemalangan dan ancaman tetapi juga dapat mewujudkan persekitaran yang lebih tenang dan selesa. Keselamatan di rumah adalah kunci kepada keharmonian keluarga dan kesejahteraan hidup. Kerjasama semua pihak sangat penting dalam memastikan keselamatan rumah kerana **bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat**. Hasilnya, kita dapat memastikan keselamatan di rumah terpelihara dan mencapai keharmonian keluarga yang diidamkan.

(490 patah perkataan)

Sumber: Dipetik dan diubah suai  
daripada Chat GPT

## Nombor 11

### TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Inovasi ialah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian dan penambahbaikan. Inovasi ialah hasil cetusan idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.

(Sumber: Internet)

Pada pendapat anda, selain kepentingan yang terdapat dalam petikan, apakah kepentingan-kepentingan lain inovasi dalam kehidupan.

#### PANDUAN :

Tema	SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
Isu	Inovasi
Isi	1. Inovasi membantu dalam meningkatkan kualiti ketja dan hidup manusia sejagat. 2. Inovasi dapat membantu masyarakat dalam pemeliharaan alam sekitar. 3. Inovasi dapat membantu merangsang ekonomi dunia dengan meningkatkan hasil jualan.
Kehendak soalan	Kepentingan-kepentingan lain inovasi dalam kehidupan.

#### CADANGAN JAWAPAN :

Pada era teknologi maklumat dan komunikasi yang begitu pesat, inovasi bukanlah satu istilah baharu dalam dunia sains dan teknologi. Inovasi merupakan elemen yang semakin penting pada abad ke-21 untuk menghasilkan pelbagai idea baharu dalam teknologi. Inovasi boleh didefinisikan sebagai idea atau kaedah baharu yang tidak pernah dilakukan oleh sesiapa. Oleh itu, rakyat Malaysia perlu menjadikan inovasi sebagai budaya untuk memenuhi cabaran globalisasi dan persaingan peringkat global. Secara umumnya, inovasi mampu memberikan keuntungan dan mengubah kehidupan seharian manusia menjadi lebih baik. Persoalan yang sering bermain di gawang minda kita, apakah kepentingan inovasi dalam kehidupan seseorang?

Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa inovasi membantu dalam meningkatkan kualiti kerja dan hidup manusia sejagat. Hal ini dikatakan demikian kerana, kualiti kehidupan manusia akan bertambah baik sekiranya dapat memberikan fokus untuk

meluangkan masa pada perkara yang lebih mustahak hasil daripada pelbagai inovasi. Tamsilnya, penciptaan penyedut hampagas yang kini lebih kecil dan ringan memudahkan kita untuk membawa, menyimpan dan menggunakannya. Oleh itu, inovasi ini sudah pasti telah membantu kita menjimatkan masa kerana masa itu emas untuk menyelesaikan suatu pekerjaan. Jelaslah bahawa, kualiti kerja dan kehidupan akan bertambah baik apabila manusia berjaya mencipta produk hasil daripada inovasi.

Jika ditinjau dari sudut pandangan yang berbeza, inovasi dapat membantu masyarakat dalam pemeliharaan alam sekitar. Pada masa lalu, kebanyakan inovasi tidak mengambil kira kesan negatifnya terhadap alam sekitar sehingga berlaku pelbagai pencemaran seperti pencemaran tanah, udara dan air. Namun, dengan kesedaran yang semakin meningkat mengenai kepentingan menjaga kelestarian alam, banyak inovasi terkini telah direka bentuk dengan mengambil kira impak ekologiannya. Sebagai contoh, penciptaan produk mesra alam seperti bahan biodegradasi dan teknologi hijau membuktikan bahawa inovasi boleh membantu mengurangkan pencemaran dan mengekalkan keseimbangan ekosistem. Kesannya, masyarakat dapat meningkatkan kualiti hidup dengan mengekalkan bumi yang lebih bersih dan selamat. Sudah terang lagi bersuluh, hasil inovasi ini dapat memastikan kesejahteraan alam sekitar kekal terpelihara untuk generasi akan datang.

Selain itu, inovasi dapat membantu merangsang ekonomi dunia dengan meningkatkan hasil jualan. Sejak kebelakangan ini, dapat dilihat bahawa kerancakan penggunaan media sosial dan permintaan yang tinggi terhadap sesuatu produk telah melahirkan pasaran baharu yang lebih inovatif dalam kalangan masyarakat kita. Pembelian atas talian lebih digemari oleh masyarakat kerana mereka tidak perlu keluar rumah dan hanya menunggu produk yang diinginkan dihantar ke rumah masing-masing. Misalnya, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menghasilkan keropok lekor dengan cara tradisional dapat meningkatkan pengeluaran apabila menggunakan mesin yang dicipta hasil inovasi. Maka, kuantiti jualan akan meningkat dan perniagaan mereka akan berkembang dengan lebih pesat. Oleh hal yang demikian, inovasi membantu mencipta dan memberi keseimbangan kepada peningkatan hasil jualan dan pendapatan negara.

Secara tuntas, banyak faedah yang diperoleh dalam kehidupan hasil daripada inovasi. Oleh itu, aspek inovasi perlu dihayati dan dilaksanakan oleh semua peringkat umur kerana mendatangkan banyak faedah kepada semua pihak. Kerancakan ekonomi dan globalisasi hari ini menjadi kayu pengukur kemampuan kita untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara lain. Pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan dasar-dasar yang diperkenalkan mempunyai unsur inovasi serta memberi manfaat yang efektif kepada seluruh rakyat Malaysia dalam menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0. Semoga inovasi yang kita kecapai hari ini membawa kita negara kita menjadi negara berteknologi tinggi dan pelbagai sektor akan berkembang dengan pesat.

(495 patah perkataan)

Dipetik dan diubahsuai daripada : <https://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-inovasi>

## Nombor 12

### TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Dalam keghairahan mengejar pembangunan, manusia mengabaikan alam sekitar. Hutan rimba diteroka, pokok-pokok ditebang sesuka hati, sungai dimusnahkan dan dijadikan tempat pembuangan sampah sarap dan sisa toksik. Jika keadaan ini berterusan akan timbullah masalah pencemaran dan bencana alam yang semakin meruncing. Selain itu menyebabkan berlakunya kemusnahan flora dan fauna serta memberikan kesan terhadap ekosistem yang terbina.

Sumber : *Petikan Akhbar The Malaysian Insight*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kesan-kesan kemusnahan alam sekitar terhadap seluruh hidupan bumi.

PANDUAN :

Tema	Alam sekitar dan teknologi hijau
Isu	Alam sekitar
Isi	1. Mengundang berlakunya masalah pencemaran dan bencana alam yang semakin meruncing. 2. Menyebabkan berlakunya kemusnahan flora dan fauna. 3. Memberikan kesan terhadap ekosistem yang terbina.
Kehendak soalan	Kesan-kesan kemusnahan alam sekitar terhadap seluruh hidupan bumi.

CADANGAN JAWAPAN :

Sedarwasa ini sering meniti dari bibir ke bibir umat manusia di segenap empat penjuru dunia ini tentang isu kemusnahan alam sekitar merupakan masalah yang menjadi liputan utama akhbar pada masa ini. Keadaan ini semakin serius sejak akhir-akhir ini disebabkan perbuatan manusia yang terlalu rakus mengaut keuntungan sehingga mengabaikan alam sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana, kemusnahan alam sekitar akan membawa malapetaka yang dahsyat kepada seluruh hidupan di mayapada ini. Peribahasa sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya mengimbas minda kita bahawa apabila berlakunya kemusnahan, alam sekitar ini tidak dapat dipulihkan lagi. Oleh itu, kita perlu mengupas secara terperinci berkaitan kesan-kesan kemusnahan alam sekitar terhadap hidupan di bumi ini.

Pada hemat saya, kemusnahan alam sekitar yang serius ini mengundang berlakunya masalah pencemaran dan bencana alam yang semakin meruncing. Hal ini dikatakan demikian kerana, aktiviti manusia seperti penerokaan hutan tanpa kawalan oleh pihak tertentu menyebabkan banyak kawasan yang telah menjadi gondol. Contohnya, apabila berlakunya tanah runtuh sudah tentu banyak kemusnahan alam sekitar akan terjadi seperti sungai akan tertimbus, kawasan peretaina akan musnah dan mungkin nyawa juga akan terkorban. Secara tidak langsung, hakisan tanah ini bukan sahaja menyebabkan banjir kilat malah pencemaran

air dan udara juga terjadi. Jelaslah bahawa, berlakunya bencana alam dan pencemaran alam sekitar merupakan kesan yang dapat kita lihat dengan drastik.

Tidak dapat dinafikan bahawa, kegiatan yang merosakkan alam sekitar seperti penerokaan hutan dan penebangan hutan tanpa kawalan akan menyebabkan berlakunya kemusnahan flora dan fauna. Perkara yang menyedihkan bahawa, lama-kelamaan flora dan fauna tersebut akan pupus begitu sahaja disebabkan sikap manusia yang hanya ingin mengaut keuntungan sahaja. Misalnya, penebangan hutan tropika di kawasan tertentu telah mengancam spesies seperti gajah kerdil, orang utan dan orkid liar yang kini semakin sukar ditemui. Lebih dahsyat lagi, sikap sesetengah majikan sektor perindustrian yang dibaratkan enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing sanggup membuang sisa-sisa toksik ke dalam sungai sehingga menyebabkan kemusnahan hidupan akuatik. Sudah terang lagi bersuluh bahawa, kemusnahan alam sekitar menyebabkan flora dan fauna terancam sehingga berlakunya kepupusan.

Jika ditinjau dari sudut yang berbeza, kemusnahan alam sekitar memberikan kesan terhadap ekosistem yang terbina. Dalam konteks ini, penerokaan hutan bagi tujuan komersial telah mengundang kepada kemusnahan habitat semula jadi haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Tamsilnya, pembakaran hutan secara tidak terkawal dan penarahan bukit telah mengakibatkan haiwan kehilangan tempat tinggal dan merosakkan rantaian makanan. Senario ini menyebabkan ekosistem yang sepatutnya terjalin akhirnya mengalami ancaman yang terlalu kritikal. Izharnya, situasi ini menimbulkan kebimbangan terhadap ekosistem yang tidak stabil akibat kemusnahan alam sekitar sehingga terjadinya situasi nasi sudah menjadi bubur.

Sebagai menggulung segala yang telah dibicarakan, dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa kemusnahan alam sekitar ini memberikan implikasi yang amat besar kepada seluruh hidupan di atas muka bumi ini. Oleh itu, semua pihak haruslah menunjukkan komitmen yang tinggi dengan menjalinkan kerjasama serumpun bagai serai, selubang bagai tebu untuk menjaga alam sekitar ini. Persis peribahasa Melayu mengatakan bahawa 'pisang tidak akan berbuah dua kali' jika setiap individu bertanggungjawab mengorak langkah mengembalikan keindahan dan keunikan alam yang kian musnah. Keindahan alam sekitar yang merupakan khazanah yang tidak ternilai perlu diambil perhatian oleh pelbagai pihak supaya alam sekitar ini tidak dicalarkan sewenang-wenangnya.

( 468 patah perkataan)

Dipetik dan diubahsuai daripada :  
<https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/13321>

## Nombor 13

### TEMA : SEJARAH DAN WARISAN

Bangunan atau monumen bersejarah penting untuk dikekalkan sebagai rujukan tentang sesuatu peristiwa yang pernah berlaku dahulu. Secara psikologinya, monumen ini satu pengisian dalam pembentukan jati diri generasi muda mengenai pengorbanan tokoh terdahulu memperjuangkan kemerdekaan negara. Malah, monumen bersejarah juga mempunyai nilai komersial dalam memacu industri pelancongan.

Sumber: Sinar Harian, 2 Februari 2021

Petikan di atas menunjukkan kepentingan memelihara dan memulihara monumen bersejarah di negara kita. Jelaskan kepentingan tersebut.

#### PANDUAN :

Tema	Sekarah dan warisan
Isu	Monumen bersejarah
Isi	1. Sebagai rujukan tentang sesuatu peristiwa yang pernah berlaku dahulu. 2. pembentukan jati diri generasi muda mengenai pengorbanan tokoh terdahulu memperjuangkan kemerdekaan negara. 3. Mempunyai nilai komersial dalam memacu industri pelancongan.
Kehendak soalan	Kepentingan memelihara dan memulihara monumen bersejarah di negara kita.

#### CADANGAN JAWAPAN :

Mutakhir ini, perkembangan pesat ekonomi negara telah mempercepatkan kadar pertumbuhan pembinaan bangunan komersial dan pembukaan bandar baharu. Rentetan itu, timbul polemik untuk meruntuhkan bangunan lama yang dikatakan sudah tidak berfungsi dengan baik dan sudah tiada kepentingan lagi. Kebanyakan monumen bersejarah seperti Kota A Famosa dan Stadthuys di Melaka, bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur, dan Kota Belanda di Pulau Pangkor merupakan tinggalan sejak zaman penjajah. Sebenarnya, monumen bersejarah ini mempunyai nilai sejarah yang sangat berharga dan perlu dikekalkan agar tidak hilang ditelan zaman, demi tatapan generasi akan datang. Persoalan yang sering bermain di gawang minda, apakah kepentingan memelihara dan memulihara monumen bersejarah di negara kita?

Sebagai pembuka bicara, salah satu kepentingan memelihara dan memulihara monumen bersejarah di negara kita adalah sebagai rujukan tentang sesuatu peristiwa yang pernah berlaku dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, monumen bersejarah ini bukan hanya sebagai struktur batu atau logam, namun penanda abadi yang menyimpan suatu cerita yang tersendiri dan menawarkan rujukan yang tidak ternilai pada masa akan datang. Sebagai

tamsil, Tugu Negara merupakan monumen peringatan bagi para pejuang tanah air yang gugur dalam perjuangan melawan penjajahan Jepun dan Komunis. Impaknya, rakyat dapat mengetahui sejarah pengorbanan pahlawan negara sekali gus menanamkan semangat patriotisme dalam diri mereka. Jelaslah bahawa, pemeliharaan dan pemuliharaan monumen bersejarah ini, boleh dijadikan sebagai rujukan oleh masyarakat tentang sesuatu peristiwa yang pernah berlaku dahulu.

Jika dilihat dari perspektif yang berbeza, kepentingan memelihara dan memulihara monumen bersejarah di negara kita boleh membentuk jati diri dalam kalangan generasi muda untuk menghargai pengorbanan tokoh terdahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam membentuk masyarakat madani yang kian mencabar ini, pembinaan monumen bersejarah boleh meninggalkan ibrah dalam diri mereka supaya lebih menghargai pejuang terdahulu. Pembinaan monumen sejarah seperti Rumah Za'ba di Universiti Pendidikan Sultan Idris menjadi simbolik kepada pejuang tokoh negara yang memperjuangkan kemerdekaan pada masa dahulu. Impak kepada masyarakat ekoran daripada monumen bersejarah ini adalah, masyarakat akan lebih minat untuk mendalami sejarah negara dan secara tidak langsung dapat memupuk minat murid khususnya dalam mata pelajaran sejarah. Oleh itu, masyarakat akan lebih menghargai pejuang tokoh terdahulu dan menghargai keamanan negara yang dinikmati selama ini.

Seterusnya, monumen bersejarah di negara kita perlu dipelihara dan dipulihara kerana mempunyai nilai komersial dalam memacu industri pelancongan. Hal ini dikatakan demikian kerana, monumen bersejarah ini mampu menjadi magnet kepada pelancong dari dalam dan luar negara. Sebagai contoh, monumen seperti Kota Belanda di Pulau Pinang, Kellie's Castle di Perak dan Istana Jahar di Kelantan merupakan permata berharga yang mampu memukau dan mempesonakan pengunjung. Pelancong yang terpesona dengan keindahan dan sejarah monumen-monumen ini akan membawa limpahan rezeki kepada ekonomi setempat melalui perbelanjaan mereka di hotel, restoran, dan kedai cenderamata. Izharlah bahawa, keunikan dan keagungan monumen-monumen ini berpotensi menjana pendapatan berbilion ringgit melalui sektor pelancongan.

Kesimpulannya, semua pihak haruslah bersama-sama bertanggungjawab dalam memastikan monumen bersejarah di negara Malaysia dipelihara dan dipulihara dengan baik bak kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Hal ini dikatakan demikian kerana, kita sebagai warganegara sepatutnya mencintai warisan negara dan tidak membiarkan monumen-monumen yang luar biasa ini luput ditelan zaman. Kita perlulah menghargai warisan ini yang mendatangkan banyak manfaat kepada kita dan tidak menjadi seperti kera mendapat bunga demi membina satu bangsa dan negara yang teguh dan maju dengan menghormati dan memelihara warisan yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kita.

(491 patah perkataan)

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
<https://www.sinarharian.com.my/article/121907/suara-sinar/analisis-sinar/perlu-proaktif-pulihara-bangunan-bersejarah>

## Nombor 14

### TEMA : PENDIDIKAN

Pada zaman ini, jika seseorang itu tidak mempunyai ilmu, mereka akan mengalami kesusahan dalam kehidupan. Ilmu yang dipelajari membantu seseorang untuk menjamin masa depan dengan adanya peluang pekerjaan yang luas. Berbekalkan ilmu yang sedia ada, lebih ramai golongan profesional dalam pelbagai bidang boleh dilahirkan. Ilmu juga membantu seseorang untuk menaikkan taraf hidup.

Dipetik dan diubah suai daripada  
<https://anjungdidik.wordpress.com>

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, huraikan kepentingan ilmu dalam kehidupan seseorang.

PANDUAN :

Tema	Pendidikan
Isu	Kepentingan ilmu
Isi	1. Membantu seseorang untuk menjamin masa depan dengan adanya peluang pekerjaan yang luas. 2. Lebih ramai golongan profesional dalam pelbagai bidang boleh dilahirkan. 3. Membantu seseorang untuk menaikkan taraf hidup.
Kehendak soalan	Kepentingan ilmu dalam kehidupan seseorang.

CADANGAN JAWAPAN :

Ilmu itu gemala sakti,  
Sinarnya cerah cahaya sejati,  
Asal puncanya lamun didapati,  
Sukar bercerai sehingga mati.

Rangkap syair hasil nukilan Pendeta Zaa'ba di atas jelas menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan seseorang. Ilmu umpama kuasa ajaib yang boleh membantu mencerahkan masa depan kehidupan seseorang sepanjang hayatnya. Namun, generasi muda kini kurang sedar tentang kepentingan menuntut ilmu terutamanya ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka lebih suka menghabiskan masa dengan melayari media sosial dan

bergentayangan di pusat-pusat beli-belah. Impaknya, generasi muda akan lebih sedar dan berusaha menuntut ilmu ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu, generasi muda harus disedarkan dengan kepentingan menuntut ilmu sepanjang hayat dan ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, “tuntutlah ilmu daripada buaian hingga ke liang lahad”.

Salah satu kepentingan menuntut ilmu yang tidak boleh dikesampingkan ialah ilmu membolehkan seseorang itu untuk mendapatkan pekerjaan yang terjamin pada masa depan. Hal ini dikatakan demikian kerana pada era dasar langit terbuka dan zaman globalisasi ini memerlukan manusia bersaing dan berlumba-lumba untuk merebut peluang yang terhidang di depan mata. Setiap individu perlu mengisi dada dengan pelbagai ilmu dan kemahiran seperti kemahiran berbahasa asing, kemahiran dalam teknologi maklumat dan mempunyai pengetahuan yang luas. Sebagai contohnya, syarikat-syarikat berstatus antarabangsa yang berpangkalan di Malaysia akan memilih calon yang boleh berbahasa asing seperti bahasa Perancis, Mandarin atau bahasa Jepun. Natijahnya, individu yang mempunyai eska lebihan dalam berbahasa asing akan mempunyai peluang yang lebih cerah untuk memperoleh pekerjaan yang berimpak tinggi. Jelaslah bahawa, individu yang mempunyai ilmu yang luas dan berkemahiran tinggi mempunyai masa depan yang lebih cerah berbanding mereka yang kurang berpengetahuan.

Meninjau kepada skop yang lebih luas, rakyat yang berilmu tinggi akan melahirkan lebih ramai golongan profesional dalam pelbagai bidang. Hal ini amat penting sekali kerana kemunculan golongan intelektual mampu merencanakan pembangunan sesebuah negara. Sebagai contohnya, ramainya golongan cerdik pandai dalam bidang ekonomi akan melahirkan masyarakat yang celik ekonomi. Golongan ini bukan sahaja mampu memberikan idea untuk berjimat cermat, malahan mampu mencetuskan idea untuk menjana pendapatan negara. Impaknya, rakyat dan negara akan menikmati kesejahteraan hasil daripada buah fikiran golongan intelektual tersebut. Sudah terang lagi bersuluh, wujudnya golongan profesional dalam sesebuah negara adalah hasil daripada rakyatnya yang berilmu pengetahuan.

Dari kaca mata yang lain, ilmu yang bermanfaat juga mampu mengangkat martabat dan meningkatkan taraf hidup seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka yang berilmu akan disanjung tinggi disebabkan keperibadian orang berilmu adalah berbeza

berbanding mereka yang kurang berilmu. Malahan, golongan yang berilmu lebih dihormati kerana menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara. Sebagai contohnya, golongan pendidik atau guru amat disanjung tinggi oleh masyarakat kerana mereka merupakan golongan yang menyampaikan ilmu, malahan mereka juga dekat di hati masyarakat. Rentetan daripada hal tersebut, golongan ini mampu untuk menginspirasi generasi muda dalam sebuah masyarakat agar menghormati golongan tua yang bijaksana mahupun rakan-rakan tersendiri serta mengikuti amalan-amalan baik daripada individu-individu tersebut supaya menjadi insan yang lengkap. Bertepatan kata-kata pujangga, benih yang baik kalau dicampak ke darat menjadi gunung, jika tercampak ke laut menjadi pulau dan sekiranya dilempar ke langit menjadi kejora.

Tuntasnya, ilmu amat penting dalam kehidupan seseorang kerana tanpa ilmu manusia diumpamakan seperti pohon tanpa buah. Oleh itu, semua lapisan masyarakat tanpa mengira status sosial harus melengkapkan dada mereka dengan ilmu yang bermanfaat demi membina negara Malaysia Madani yang tercinta ini. Martabat sesebuah negara akan terangkat jika rakyat terutamanya generasi muda mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi serta bemanfaat kepada negara, bak kata peribahasa, pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.

(497 patah perkataan)

## Nombor 15

### TEMA : PENDIDIKAN

Dalam menempuh kehidupan era milenium yang penuh kontroversi ini, secara sedar atau tidak lantaran terlalu dihidangkan dengan sains dan teknologi, budaya membaca kian dipandang mudah dalam komuniti madani. Hal ini menunjukkan perlunya usaha yang lebih konstruktif daripada semua pihak khususnya ibu bapa untuk memupuk minat dan amalan membaca dalam kalangan anak-anak.

"Sebagai ibu bapa, kita perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak dan membeli bahan bacaan bermanfaat untuk dibawa balik ke rumah. Wujudkan perpustakaan mini di rumah untuk menyemai budaya membaca," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia di Perpustakaan Awam Kedah di sini pada Khamis.

*Sumber : Internet*

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan peranan ibu bapa dalam memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak.

PANDUAN :

Tema	Pendidikan
Isu	Amalan membaca
Isi	1. Menjadi suri teladan kepada anak-anak 2. Ibu bapa itu sendiri perlu menjadi suri teladan 3. Wujudkan perpustakaan mini di rumah
Kehendak soalan	Peranan ibu bapa dalam memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak.

CADANGAN JAWAPAN :

“Membaca itu jambatan ilmu” merupakan satu kata-kata hikmat yang jelas menunjukkan peri pentingnya amalan membaca dalam kehidupan masyarakat. Membaca bukan sahaja dapat memperoleh ilmu pengetahuan yang berilmu tetapi juga dapat mengukuhkan akal fikiran yang lebih matang dalam diri seseorang. Pada tahun 2014, purata rakyat Malaysia membaca meningkat kepada 15 naskhah setahun berbanding tahun 2005 dengan hanya dua naskhah buku setahun. Biarpun ada peningkatan, namun jumlah ini masih jauh rendah berbanding negara maju yang mana rakyatnya membaca hampir 40 buah buku dalam setahun. Masyarakat yang tidak gemar membaca akan dilanda masalah kekeringan

idea dan ketandusan daya cipta sehingga tidak mampu berkembang dan memanfaatkan potensinya. Peranan yang lebih konstruktif khususnya ibu bapa diperlukan untuk memupuk minat dan amalan membaca dalam kalangan anak-anak.

Amalan membaca boleh dipupuk dengan cara ibu bapa itu sendiri perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak dengan membudayakan amalan membaca di rumah. Hal ini demikian kerana perbuatan ibu bapa yang suka membaca pasti akan dicontohi dan diikuti oleh anak-anak yang sentiasa memerhati ibu bapa mereka. Misalnya, ibu bapa boleh memperuntukkan masa untuk membaca buku-buku dan surat khabar pada setiap hari terutama pada waktu senggang. Ekoran daripada perbuatan ibu bapa yang suka membaca tersebut, pasti anak-anak akan mencontohi dan mengikutinya kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Jelaslah, ibu bapa sewajarnya menjadi suri teladan yang baik kepada anak-anak untuk memupuk minat dan amalan membaca dalam kalangan anak-anak mereka.

Dalam pada itu, ibu bapa haruslah menambahkan bahan bacaan anak-anak dengan cara membeli buku-buku yang sesuai supaya mendorong anak mereka terus membaca. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa lebih arif dalam memilih buku yang sesuai dengan peringkat umur dan minat anak-anak. Sebagai tamsil, ibu bapa boleh membeli buku seperti buku fiksyen, buku fakta atau ilmiah dan komik sebagai hadiah atau ganjaran dari semasa ke semasa untuk menambahkan variasi dan mengelakkan kebosanan membaca bahan atau buku yang sama. Implikasinya, anak-anak mempunyai banyak pilihan untuk meneroka pelbagai ilmu pengetahuan apabila memiliki banyak buku. Pendek kata, aktiviti membaca akan menjadi suatu budaya yang kental dalam kehidupan anak-anaknya pada masa hadapan.

Budaya membaca wajar diterapkan oleh ibu bapa dengan menyediakan sebuah perpustakaan mini di rumah. Hal ini dikatakan demikian kerana perpustakaan mini yang dilengkapi dengan pelbagai bahan bacaan boleh mengukir minat membaca dalam kalangan anak-anak. Sebagai contoh, ibu bapa boleh membelanjakan sedikit wang dengan menyediakan mini perpustakaan yang dilengkapi dengan berbagai-bagai jenis buku sama ada ilmiah, buku cerita atau ensiklopedia di rumah. Rentetan daripada usaha itu, anak-anak boleh membaca di rumah pada bila-bila masa sahaja tanpa perlu pergi ke perpustakaan yang mungkin berada jauh dari tempat tinggal. Izharlah bahawa amalan membaca akan menjadi hobi anak-anak pada waktu senggang dengan adanya perpustakaan mini di rumah.

Sebagai penutup bicara, amalan membaca dalam kalangan masyarakat perlu dimulakan dalam sesebuah keluarga dan ibu bapalah orang yang paling berpengaruh dalam meningkatkan tabiat membaca anak-anak. Oleh itu, ibu bapa harus menggalas bebanan yang berat dalam misi melahirkan golongan masyarakat yang minat dan suka membaca. Semoga generasi berintelektual dapat dilahirkan kerana di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

(487 patah perkataan)

## Nombor 16

### TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Menerusi ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-10 dalam Majlis Perasmian Hari Sukan Negara 2023, beliau menyatakan bahawa rangkaian antara Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pelajaran Malaysia perlu menjadi lebih erat bagi membolehkan kegiatan sukan di sekolah terus diperkasakan. Hal ini dikatakan demikian kerana sukan dapat membantu dalam menjaga kesihatan fizikal, membentuk sahsiah dan disiplin diri serta memupuk perpaduan kaum.

Dipetik dan diubah suai daripada :

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-anwar-mahu-kegiatan-sukan-di-sekolah-ipt-komuniti-diperkasa>

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan sukan dalam kalangan generasi muda di Malaysia.

PANDUAN :

Tema	Sukan dan rekreasi
Isu	Sukan
Isi	1. Dapat membantu dalam menjaga kesihatan fizikal. 2. Membentuk sahsiah dan disiplin diri. 3. Memupuk perpaduan kaum.
Kehendak soalan	Kepentingan sukan dalam kalangan generasi muda di Malaysia.

CADANGAN AN JAWAPAN :

Dasawarsa ini, kerajaan Madani pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Diraja Anwar bin Ibrahim amat mementingkan sukan dalam kalangan generasi muda di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau beranggapan bahawa sukan bukan sekadar aktiviti fizikal semata-mata tetapi sukan juga merupakan asas penting dalam membina sebuah masyarakat yang sihat, berdisiplin dan bersatu padu. Sukan didefinisikan sebagai aktiviti fizikal melibatkan psikomotor yang memerlukan kecerdasan kognitif dan kecergasan pergerakan fizikal seseorang. Oleh itu, generasi muda haruslah diberikan pendedahan tentang kepentingan sukan dalam kehidupan mereka. Persoalannya, apakah kepentingan sukan dalam kalangan generasi muda di Malaysia?

Kepentingan dominan sukan dalam kalangan generasi muda di Malaysia ialah sukan membantu dalam menjaga kesihatan fizikal. Melalui sukan, generasi muda dapat menguatkan otot-otot badan, meningkatkan daya tahan kardiovaskular, dan mengawal berat badan. Contohnya, generasi muda yang bermain sukan bola sepak umumnya dapat meningkatkan tahap stamina dan kekuatan otot pada kaki. Di samping itu, amalan sukan yang berterusan juga dapat mengurangkan risiko penyakit kronik seperti hipertensi dan obesiti memandangkan Malaysia dikatakan telah menduduki tangga ke-2 yang mempunyai masalah berat badan dalam kalangan rakyatnya. Tuntasnya, apabila seseorang itu aktif bersukan maka tubuh badan akan menghasilkan hormon endorfin yang dapat membantu menjaga kesihatan fizikal.

Lebih-lebih lagi, sukan memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah dan disiplin generasi muda. Sahsiyah didefinisikan sebagai sifat-sifat peribadi seseorang yang mencerminkan keperibadian dan karakter mereka seperti nilai, tabiat dan tingkah laku. Contohnya, melalui penyertaan dalam sukan, individu akan diajar tentang kepentingan disiplin, kerjasama, dan ketahanan mental. Mereka juga akan belajar untuk menghormati peraturan dan menerima kekalahan dengan hati yang terbuka. Antara sukan yang sinonim ialah sukan ragbi yang mempunyai intensiti tinggi semasa perlawanan berlangsung. Nilai-nilai tersebut penting dalam membentuk generasi muda yang bertanggungjawab, beretika dan berdedikasi dalam sukan. Tegasnya, sukan dapat membentuk sahsiah dan disiplin dalam diri generasi muda di Malaysia.

Dari skop yang lebih luas, sukan juga penting untuk memupuk perpaduan dan integrasi sosial dalam kalangan generasi muda. Sukan sering kali menjadi medium untuk menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum, agama, dan budaya di Malaysia. Melalui sukan, generasi muda daripada latar belakang yang berbeza dapat berinteraksi dan bekerjasama, sekali gus membentuk ikatan persahabatan yang kukuh umpama sambil menyelam minum air. Contohnya, kejohanan sukan seperti Sukan Olimpik dan Sukan SEA sering menjadi platform untuk memupuk semangat perpaduan di peringkat antarabangsa. Dalam konteks di sekolah pula, murid-murid yang berbilang kaum boleh menyertai pertandingan sukan bola sepak. Senario tersebut dapat mengukuhkan hubungan antara kaum di samping merealisasikan aspirasi Kerajaan Madani. Oleh itu, perpaduan antara kaum dapat diertatkan melalui sukan dalam kalangan generasi muda.

Kesimpulannya, sukan merupakan wadah penting dalam kalangan generasi muda dan masyarakat pada hari ini. Sukan bukan sahaja memberi manfaat dari segi kesihatan fizikal, tetapi juga membentuk sahsiah dan perpaduan. Justeru, sukan perlu terus dipupuk sebagai satu ideologi penting dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda bagi memastikan pembangunan yang seimbang dan holistik. Jika sebaliknya, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

(485 patah perkataan)

## Nombor 17

### TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Kuala Lumpur : Lambakan sisa elektronik atau e-sisa semakin membimbangkan dengan peningkatan penggunaan peranti digital di seluruh dunia. Menurut laporan terkini, lebih daripada 50 juta tan e-sisa dihasilkan setiap tahun, menjadikannya salah satu cabaran terbesar dalam pengurusan sisa moden.

‘Isu ini perlu ditangani dengan segera kerana kebanyakan bahan elektronik mengandungi bahan toksik yang boleh mencemarkan udara, tanah dan air jika tidak dikendalikan dengan betul,’ kata seorang pakar alam sekitar.

Beberapa negara telah mengambil langkah untuk memperketatkan undang-undang berkaitan pengurusan e-sisa dan meningkatkan usaha kitar semula. Namun, masih banyak yang perlu dilakukan untuk memastikan sisa elektronik diuruskan dengan cara yang mampan dan selamat.

Pakar mencadangkan agar pengguna lebih bertanggungjawab dengan mengitar semula peranti lama dan mengurangkan penggunaan produk elektronik yang tidak perlu.

*Sumber : Internet*

Petikan berita di atas menyatakan langkah-langkah menguruskan sisa elektronik dengan betul.

Bincangkan implikasi lambakan sisa elektronik kepada udara, tanah dan air.

#### PANDUAN :

Tema	Alam sekitar dan teknologi hijau
Isu	Lambakan sisa elektronik
Isi	1. Mencemarkan udara 2. Mencemarkan tanah 3. Mencemarkan air
Kehendak soalan	Implikasi lambakan sisa elektronik kepada udara, tanah dan air.

#### CADANGAN JAWAPAN :

Lambakan sisa elektronik atau e-sisa merupakan isu global yang semakin meruncing pada era teknologi moden ini. Di Malaysia, penggunaan peranti elektronik seperti telefon pintar, komputer, dan televisyen telah meningkat dengan pesat, seiring dengan kemajuan teknologi yang mengakibatkan peningkatan jumlah sisa elektronik yang dibuang tanpa kawalan pada setiap tahun. Masalah ini tidak boleh dipandang enteng oleh masyarakat kerana boleh memberi impak terhadap

alam sekitar yang serius. Sisa elektronik yang tidak diurus dengan baik boleh menyebabkan pencemaran tanah, air, dan udara akibat daripada bahan kimia dan komponen berbahaya yang terkandung di dalamnya. Sebagai persoalannya, apakah implikasi lambakan sisa elektronik kepada udara, tanah dan air?

Sebagai pembuka bicara, salah satu implikasi utama lambakan ini adalah terhadap kualiti udara. Hal ini dikatakan demikian kerana, sisa elektronik sering kali mengandungi bahan kimia berbahaya seperti merkuri, kadmium, dan plumbum yang apabila tidak dilupuskan dengan betul, boleh meruap ke udara. Sebagai contoh, pembakaran terbuka sisa elektronik seperti dioksin dan furan oleh seseorang yang bersikap bagai enau di dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing menyebabkan pencemaran udara yang serius. Bahan-bahan kimia ini boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia, mencemarkan atmosfera dan menyumbang kepada perubahan iklim serta pemanasan global. Jelaslah bahawa, lambakan sisa elektronik memberi implikasi negatif terhadap tahap kualiti udara.

Di samping pencemaran udara, lambakan sisa elektronik juga memberi kesan buruk terhadap tanah. Dalam konteks ini, banyak komponen elektronik yang dibuang mengandungi logam berat yang boleh meresap ke dalam tanah, menjadikannya tercemar selain boleh menjejaskan struktur dan kesuburan tanah. Tamsilnya, logam-logam berat seperti plumbum dan kadmium boleh meracuni tanah. Kesannya, tanah yang tercemar dengan logam berat sukar untuk ditanam, mengurangkan hasil pertanian dan menjejaskan keselamatan makanan selain kawasan tersebut menjadi tandus seperti padang jarak padang terkukur dan tidak sesuai untuk aktiviti pertanian. Sudah terang lagi bersuluh, lambakan sisa elektronik boleh menjejaskan kualiti tanah.

Bagi menelusuri idea yang seterusnya, air juga tidak terlepas daripada kesan negatif lambakan sisa elektronik. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila sisa elektronik dibuang secara tidak terkawal, logam berat dan bahan kimia berbahaya dalam sisa tersebut boleh meresap ke dalam sistem air bawah tanah atau masuk ke dalam sungai dan tasik melalui limpahan air hujan. Misalnya, pencemaran air dengan bahan kimia berbahaya seperti arsenik, merkuri, dan plumbum boleh berlaku. Kesannya, hidupan akuatik seperti ikan dan spesies air lain akan mati sekali gus merosakkan ekosistem air secara keseluruhan. Selain itu, pendedahan jangka panjang kepada air yang tercemar boleh menyebabkan masalah kesihatan manusia yang serius seperti kerosakan buah pinggang, gangguan saraf, dan pelbagai jenis kanser. Bulan semakin terang, bayang kian jelas bahawa lambakan sisa elektronik mencemarkan air.

Bertitik tolak daripada perbincangan tersebut, ternyata lambakan sisa elektronik membawa pelbagai kesan negatif yang signifikan terhadap udara, tanah dan air. Bahan kimia berbahaya yang terkandung dalam sisa elektronik boleh meresap ke dalam tanah dan air, menyebabkan pencemaran yang membahayakan kesihatan manusia serta kehidupan haiwan. Oleh itu, adalah penting untuk masyarakat mengamalkan amalan pengurusan sisa elektronik yang bertanggungjawab dan mencari alternatif yang lebih lestari untuk mengurangkan impak negatif ini kerana mencegah lebih baik daripada mengubati. Kesedaran masyarakat juga perlu ditingkatkan agar lebih bertanggungjawab dalam menguruskan sisa elektronik, sekali gus membantu melindungi alam sekitar untuk generasi akan datang.

(489 patah perkataan)

## Nombor 18

### TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Pertanian di Malaysia menyumbang 12 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan 16 peratus penduduk Malaysia terbabit dalam bidang ini. Bidang pertanian ini menunjukkan kemerosotan disebabkan beberapa faktor antaranya ketidaktentuan cuaca, keutamaan kepada industri perindustrian selain kekurangan tenaga kerja muda yang menyebabkan banyak tanah pertanian berubah status dan dibangunkan.

Sumber : bharian.com.my/rencana

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan faktor-faktor kemerosotan sektor pertanian di negara kita.

PANDUAN :

Tema	Pertanian, penternakan dan perikanan
Isu	Pertanian
Isi	1. ketidaktentuan cuaca 2. Keutamaan kepada industri perindustrian 3. Kekurangan tenaga kerja muda
Kehendak soalan	Faktor-faktor kemerosotan sektor pertanian di negara kita.

CADANGAN JAWAPAN :

Sektor pertanian merupakan sektor yang penting dan mendapat tumpuan dalam perdagangan dunia. Sektor ini merupakan pembekal makanan dan sumber bahan mentah kepada penduduk di dunia. Sektor pertanian di Malaysia telah menyumbang sebanyak 12 peratus keuntungan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hal ini telah membantu meningkatkan pendapatan negara dan secara tidak langsung dapat membantu ekonomi negara kita. Sektor pertanian di Malaysia berfungsi sebagai pembekal sumber makanan kepada seluruh penduduk di Malaysia. Namun demikian, pengeluaran hasil pertanian kini semakin merosot di negara kita. Persoalannya kini, apakah punca-punca berlakunya kemerosotan sektor pertanian di negara kita?

Sebagai mukadimah perbincangan, faktor utama yang boleh menjejaskan hasil dan kualiti pertanian ialah ketidakpastian cuaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, perubahan cuaca semakin ketara dan berlaku dengan lebih ekstrem, sama ada panas atau hujan sekali gus menjejaskan hasil dan kuantiti produk pertanian yang dihasilkan. Tamsilannya, tanaman padi akan menjadi rosak jika berlaku banjir atau panas melampau. Perubahan cuaca yang berlaku ini juga akan menyebabkan kemunculan penyakit atau perosak baharu yang sebelum ini tidak pernah ditemukan. Hakikatnya, perubahan iklim bukan sahaja memberi kesan fizikal kepada alam tetapi juga terhadap sektor pertanian khususnya tanaman makanan, sekali gus mengancam jaminan makanan yang telah mula menunjukkan kemerosotan. Sudah terang lagi bersuluh, ketidakpastian cuaca yang melanda negara kita merupakan punca kemerosotan sektor pertanian.

Selain itu, faktor kemerosotan sektor pertanian ialah keutamaan kepada industri perindustrian. Hal ini dikatakan demikian kerana, pelaburan dan sumber kewangan yang ada lebih tertumpu kepada pembangunan industri perindustrian. Kerajaan dan pihak swasta cenderung kepada pelaburan dalam sektor perindustrian kerana lebih menguntungkan dan mampu memberikan pulangan ekonomi yang lebih cepat dan tinggi. Sebagai contoh, sektor pertanian menerima peruntukan sumber kewangan yang lebih rendah. Lantaran itu, kekurangan dalam inovasi, teknologi dan infrastruktur yang penting untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing. Hal ini menyebabkan sektor pertanian menjadi kurang menarik pelabur asing, seterusnya menyumbang kepada kemerosotan dalam pengeluaran dan hasil pertanian. Bulan kian terang, bayang kian jelas bahawa keutamaan dalam sektor pertanian pemangkin kemerosotan sektor pertanian.

Jika ditinjau dari skop yang lain, kemerosotan sektor pertanian di negara kita juga turut berpunca daripada kekurangan tenaga kerja muda yang menceburi bidang ini. Perubahan minat golongan muda terhadap sektor perkilangan dan perkhidmatan yang menawarkan gaji bulanan yang lebih lumayan dan tetap juga telah mendorong kepada kurangnya pelibatan belia dalam sektor pertanian. Amsalnya, mereka lebih bercita-cita untuk menjadi pekerja kolar putih berbanding menjadi seorang pengusaha kebun atau usahawan tani yang berjaya kerana beranggapan bahawa sektor pertanian merupakan pekerjaan yang kurang menjamin masa hadapan seolah-olah cukup sekadar kais pagi, makan pagi kais petang makan petang. Hal ini secara implisitnya, menjadikan hasil pertanian dan bahan mentah akan berkurangan. Maka, terbuktilah bahawa, kurangan tenaga kerja muda melibatkan diri dalam aktiviti pertanian menyukarkan sektor ini untuk terus berkembang maju.

Akhir kalam, semua pihak seyogianya berganding bahu bagai aur dengan tebing untuk memajukan sektor pertanian di negara kita. Sehubungan dengan itu, semua pihak tidak sepatutnya bersikap nafsi bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing sebaliknya komitmen daripada semua pihak amat diperlukan kerana bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha untuk memajukan sektor pertanian kerana William Shakespeare pernah berkata jangan hentikan usaha yang mulia selagi hasilnya belum kita kecapai. Semoga impian kerajaan untuk memastikan keterjaminan makanan kepada rakyat Malaysia setanding dengan negara maju dapat direalisasikan persis peribahasa Melayu duduk sama rendah berdiri sama tinggi.

(476 patah perkataan)

## Nombor 19

### TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Persepsi kurang tepat terhadap bidang pertanian menjadi punca golongan muda kurang berminat untuk menceburi bidang tersebut. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, hal ini dikatakan demikian kerana golongan itu mungkin berpandangan bidang pertanian satu pekerjaan yang susah kerana perlu bekerja di bawah panas matahari.

*Sumber: Berita Harian Online*

Huraikan peranan pelbagai pihak untuk meningkatkan minat generasi muda menceburi bidang pertanian.

#### PANDUAN :

Tema	Pertanian, penternakan dan perikanan
Isu	Bidang pertanian
Isi	1. Ibu bapa mendidik anak-anak 2. Media sosial menjadi jentera kepada kempen dan dasar kerajaan 3. Kerajaan mengambil peranan dalam memajukan sektor pertanian
Kehendak soalan	Peranan pelbagai pihak untuk meningkatkan minat generasi muda menceburi bidang pertanian

#### CADANGAN JAWAPAN :

Pada era globalisasi ini, bidang pertanian masih menjadi sektor penting yang menyumbang kepada ekonomi negara, perolehan eksport dan mewujudkan peluang pekerjaan. Buktinya, saban hari kita diwar-warkan oleh saranan kerajaan dalam media massa tentang kepentingan sektor pertanian melalui Dasar Agromakanan Negara, Dasar Komoditi Negara dan juga kempen seperti Pertanian adalah Perniagaan. Namun begitu, persepsi kurang tepat terhadap bidang pertanian menjadi punca golongan muda kurang berminat untuk menceburi bidang ini. Tambahan pula, golongan ini juga mungkin berpandangan bidang pertanian merupakan satu pekerjaan yang sukar kerana perlu bekerja di bawah panas matahari. Impaknya, industri pertanian akan mengalami kemerosotan sekali gus mendorong kepada kejatuhan ekonomi negara. Persoalannya, apakah peranan pelbagai pihak untuk

meningkatkan minat generasi muda menceburi bidang pertanian?

Peranan perdana yang boleh dimainkan ialah ibu bapa boleh mendidik anak-anak tentang kepentingan bidang pertanian bermula dari rumah. Hal ini dikatakan demikian kerana anak-anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya. Seterusnya, ibu bapa juga sering dijadikan sebagai suri teladan oleh anak-anak dalam membentuk kehidupan mereka pada masa akan datang. Dalam hal ini, ibu bapa boleh mengajak dan mengajar anak-anak bercucuk tanam di rumah. Sebagai contoh, ibu bapa boleh memperkenalkan tanaman hidroponik kepada mereka. Tambahan pula, tanaman hidroponik yang tidak memerlukan tanah pasti akan menarik minat anak-anak untuk mencuba aktiviti ini. Selain itu, tanaman hidroponik ini tidak memerlukan kos yang besar, malah kita boleh menggunakan semula barang terpakai seperti botol minuman sebagai bekas tanaman. Kesannya, aktiviti ini bukan sahaja dapat menambahkan ilmu pengetahuan tetapi juga dapat membantu mengeratkan kasih sayang keluarga. Tuntasnya, pendedahan awal bidang ini kepada anak-anak merupakan peranan ibu bapa dalam meningkatkan minat generasi muda dalam bidang pertanian.

Meninjau dari skop yang lebih luas, media sosial juga boleh menjadi jentera kepada kempen dan dasar kerajaan dalam memupuk minat generasi muda dalam bidang pertanian. Hal ini dikatakan demikian kerana media sosial seperti Instagram, TikTok dan Facebook boleh digunakan untuk memenangi hati dan minda generasi muda dalam mengubah tanggapan mereka terhadap industri pertanian. Tamsilannya, media sosial boleh membantu kempen kerajaan dalam mengubah tanggapan generasi muda bahawa bidang pertanian ini tidak boleh dikaitkan lagi dengan imej kemiskinan, malah merupakan satu sumber pendapatan yang lumayan hingga boleh mencecah ratusan ribu ringgit nilainya. Menurut Harian Metro bertarikh 23 Oktober 2021, usahawan tani cili fertigasi boleh memperoleh pendapatan mencecah RM120,000 dalam satu musim. Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya, pertanian sememangnya satu perniagaan yang menguntungkan jika diuruskan dengan baik. Pendek kata, media massa berperanan penting dalam memupuk minat generasi muda dalam bidang pertanian

Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata. Seterusnya, kerajaan mengambil peranan dalam memajukan sektor pertanian seiring dengan kemajuan teknologi pada hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana rata-rata generasi muda merupakan generasi yang celik teknologi. Sebagai contoh, penggunaan teknologi dron semakin penting dalam sektor pertanian. Dalam hal ini, penggunaan dron dapat menganalisis keadaan tanah, menentukan

pola penanaman, mengesan penyakit, dan menyembur baja secara tepat untuk meningkatkan hasil tanaman. Impaknya, penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam bidang pertanian dapat menggamit hati generasi muda dalam menyumbang kepakaran mereka dalam bidang teknologi terkini. Jelaslah bahawa sektor pertanian perlu dimajukan dengan kemajuan teknologi pada hari ini merupakan salah satu peranan kerajaan dalam menarik minat generasi muda.

Intihanya, semua pihak perlulah mengambil langkah sederhana dan bekerjasama bagai aur dengan tebing dalam memastikan bidang pertanian ini terus relevan dan diminati dalam kalangan generasi muda. Sememangnya, pihak kerajaan perlulah cakna dan menitikberatkan perkara ini kerana sektor pertanian merupakan antara penyumbang terbesar ekonomi negara. Justeru, kerajaan boleh menggunakan hasil pendapatan daripada pertanian ini untuk kesejahteraan rakyat dalam sektor lain seperti pendidikan, teknologi dan sosial supaya negara kita boleh duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain yang mampan dari segi kemajuan sektori pertaniannya.

(491 patah perkataan)

## Nombor 20

### TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Pertanian ditakrifkan sebagai aktiviti yang melibatkan pengeluaran makanan dan barangan melalui aktiviti seperti perladangan, penternakan dan perhutanan. Sektor pertanian adalah merupakan aktiviti ekonomi yang amat penting bagi memastikan bekalan makanan sentiasa berada pada tahap yang memuaskan. Sehubungan dengan itu, apakah langkah-langkah yang wajar dilakukan bagi memajukan sektor pertanian?

Huraikan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi memajukan sektor pertanian di Malaysia?

PANDUAN :

Tema	Pertanian, penternakan dan perikanan
Isu	Pertanian
Isi	1. Mengubah kaedah pertanian menggunakan teknologi terkini. 2. Menggalakkan pengguna membeli produk tani tempatan. 3. Ladang-ladang pertanian yang baharu perlu dibuka.
Kehendak soalan	Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi memajukan sektor pertanian di Malaysia

CADANGAN JAWAPAN :

Dalam meniti arus kemodenan hari ini, sektor pertanian dalam negara sering kali dipandang enteng dan tidak mendapat perhatian oleh pentadbir negara. Malahan masyarakat konvensional masih mempunyai stigma pemikiran bahawa pertanian adalah suatu pekerjaan yang kuno dan tidak mendatangkan hasil yang lumayan. Perkara ini menjadi antara faktor yang membantutkan usaha bagi meningkatkan kemampuan industri tani domestik menjadi salah satu pemain utama dalam ekonomi negara. Pertanian merangkumi aktiviti perladangan sawit dan getah, penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan serta penternakan ayam, lembu dan hidupan laut seperti ikan dan udang. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi memajukan sektor pertanian di Malaysia?

Langkah pertama untuk memajukan sektor pertanian adalah dengan mengubah kaedah pertanian menggunakan teknologi terkini. Industri tani mengalami kelembapan dalam kemajuan dek kerana petani dan syarikat perladangan masih menggunakan kaedah lama yang menghasilkan kuantiti produk yang tidak banyak dan berlaku banyak kerosakan. Hal ini menyebabkan petani-petani kecil dan syarikat pertanian mengambil langkah pasif seperti mengekalkan kaedah lama dan mencipta keuntungan daripada mengambil risiko kerugian. Maka, anjakan paradigma seharusnya diusahakan supaya hasil pertanian menjadi lebih berkualiti dan kuantiti produk dapat ditingkatkan. jelaslah bahawa sokongan daripada pelbagai pihak terutamanya masyarakat diperlukan agar sektor yang menghasilkan sumber mentah bekalan makanan dan minuman kita dapat dibawa ke tahap yang lebih baik.

Dari kaca mata yang lain, sektor pertanian boleh dimajukan dengan menggalakkan pengguna membeli produk tani tempatan. Menurut laporan tahunan oleh Bank Negara Malaysia, negara kekal sebagai pengimport makanan dengan sekurang-kurangnya seperempat daripada jumlah keseluruhan bekalan makanan diimport. Ini bermakna Malaysia masih lagi tidak mencapai tahap keberdikarian dalam bekalan makanan. Jika dilihat pada sudut geografi, Malaysia dikurniakan sumber seperti air dan tanah yang sesuai dan cukup untuk menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu industri utama dalam negara. Pihak yang menggunakan kelebihan ini dengan maksima adalah syarikat FELDA. Oleh hal yang demikian, sebagai rakyat yang cinta akan negara perlu sedar kita berkemampuan untuk menghasilkan bekalan makanan domestik kita. Justeru, dengan membeli dan menyokong produk-produk hasil pertanian tempatan, kita telah memberikan secara terus suntikan insentif yang diperlukan industri tersebut untuk mengorak langkah dalam kemajuan yang sepatutnya dilaksanakan.

Bagi menyokong langkah di atas, ladang-ladang pertanian yang baharu perlu dibuka dengan lebih banyak mengikut kadar pertumbuhan dan permintaan pengguna. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila terciptanya permintaan yang tinggi, kuantiti produk perlu ditambah bagi menampung keperluan pengguna. Dengan pembukaan ladang atau kawasan pertanian yang baharu, kaedah pertanian yang terkini boleh diasimilasikan sekali gus membentuk pertanian terancang dan lebih berkesan. Tamsilnya, Jabatan Pertanian telah memperkenalkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di mana dengan kerjasama kerajaan negeri, sebahagian tanah telah digazetkan sebagai kawasan pertanian kekal dan menggalakkan aktiviti pertanian secara komersial dan berskala besar. Inisiatif ini perlu

disemarakkan lagi supaya dapat membuka mata masyarakat bahawa hasil pertanian adalah menguntungkan dan membantu meningkatkan ekonomi diri dan negara.

Akhir bicara, terdapat pelbagai langkah yang boleh dilaksanakan bagi memajukan sektor pertanian di Malaysia. Sekiranya sektor pertanian diangkat sebagai industri utama dalam negara, Malaysia berpotensi menjadi hub produk pertanian di rantau Asia Tenggara. Semoga masyarakat bersikap cakna dalam potensi yang ada pada industri pertanian dan pemimpin negara membuka mata dan peluang kepada rakyat untuk menghasilkan produk pertanian yang terbaik serta mampu dipasarkan ke pasaran antarabangsa.

(499 patah perkataan)